



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.07 SUBUH 5.17 SYURUK 6.36 DUHA 6.59 ZUHUR 12.35 ASAR 3.56 MAGHRIB 6.32 ISYAK 7.44 Daerah Belait ditambah 3 minit
TAHUN 69 BILANGAN 17 | 7 FEBRUARI 2024 / 1445 رجب 26 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU PERCUMA

MANISNYA IMAN

"MAHA Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjidil Aqsa (Baitulmuqaddis di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya supaya Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 1.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahabunallah Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Platform perbincangan, bertukar pandangan secara konstruktif

Siaran Akbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengadakan Sesi Muzakarah antara Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada hari ini, bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Hadir selaku pengurus semasa Sesi Muzakarah berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan Setiausaha Tetap berserta ketua-ketua jabatan dan bahagian Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

>> Muka 5

AMBIL IKTIBAR, PENGAJARAN SEBAGAI LANGKAH KE HADAPAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Mesyuarat Khas Bersama Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Perkahwinan Diraja yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menzahirkan perasaan dukacita berhubung isu nasi bangas dan berulat serta roti berkulat yang disajikan kepada penuntut sekolah dan penjawat awam semasa Istiadat Perarakan Pengantin Diraja bagi paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dengan Yang Amat Mulia

Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam.

Berikut dengan itu sebagai langkah ke hadapan, baginda bertitah menegaskan agar insiden itu dapat diambil iktibar serta pengajaran.

"Beta terpanggil untuk mengadakan perjumpaan ini, kerana sehingga kini masih terdapat segelintir orang ramai yang memperkatakan tentang insiden nasi bangas dan berulat," titah baginda semasa Mesyuarat Khas Bersama Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Perkahwinan Diraja yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

>> Muka 3

WDS 2024 ketengahkan teknologi masa depan pertahanan

Siaran Akbar : Kementerian Pertahanan

RIYADH, Isnin, 5 Februari. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd.

Yussof mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Pameran Pertahanan World Defense Show 2024 (WDS 2024) Edisi Kedua yang berlangsung dari 4 hingga 8 Februari 2024 di Riyadh, Arab Saudi.

>> Muka 5

Kibar bendera sempena Hari Kebangsaan mulai 16 Februari

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-40, Tahun 2024 dan bagi memeriahkan lagi sambutan berkenaan, sukacita menyeru rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam supaya sama-sama mengibarkan bendera di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan

bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalaman lampu-lampu cucul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai Jumaat, 16 Februari 2024 hingga Ahad, 25 Februari 2024.

Dalam hubungan ini, Pengiran-pengiran akan mengibarkan bendera peribadi, orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing dan bagi orang ramai pula akan mengibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
 Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



SUMBANGAN derma untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023

Muka 7



10 peserta tamat Kursus Butchering 3.0

Muka 9



MENDEKATI masyarakat melalui Program Sua Muka

Muka 13



RENCANA SEMBAHYANG tiang ugama

Muka 21



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Majlis Pelancaran Sistem Makmal Kesihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan pada Sabtu, 3 Februari 2024.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassalatu
Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya-l-Wal
Mursalin, Sayyidina Muhammaddin
Wa'alai Alihi Wasahabi Ajma'iin
Assalaamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini di Majlis Pelancaran Sistem Makmal Kesihatan Kebangsaan

Pembentukan BDNHLS berdasarkan Peraturan Kesihatan Antarabangsa

Negara Brunei Darussalam ataupun Brunei Darussalam National Health Laboratory System (BDNHLS). Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat, kaum keluarga dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di atas kesudian Yang Berhormat hadir ke majlis pada pagi ini selaku tetamu kehormat bersama dan sama-sama melancarkan BDNHLS. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pengajur-pengajur majlis, yang terdiri daripada dua jabatan di bawah Kementerian Kesihatan, iaitu Jabatan Perkhidmatan Makmal dan Jabatan Perkhidmatan Saintifik; dan dua lagi jabatan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), iaitu Jabatan Perikanan dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan kerana menjemput saya selaku tetamu kehormat majlis hari ini, dan saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi hari ini.

Pembentukan BDNHLS ini adalah berdasarkan kepada Peraturan Kesihatan Antarabangsa (International Health Regulations - IHR 2005) dan Penilaian Pelaksanaan IHR yang telah dibuat oleh pasukan Penilaian Luaran Bersama (iaitu Joint External Evaluation - JEE) pada tahun 2019 yang lalu. Memandangkan Negara Brunei Darussalam (NBD) belum ada dasar panduan sistem makmal di peringkat kebangsaan secara rasmi bagi menyelaraskan standard makmal-makmal rujukan kebangsaan

dengan makmal-makmal kerajaan dan swasta, satu pendekatan komprehensif bagi mengukuhkan makmal-makmal di seluruh NBD telah diungkayahkan melalui sistem makmal yang mengikuti panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia dan piawaian-piawaian yang diiktiraf antarabangsa seperti ISO 15189 dan ISO 17025.

Dokumen buku edisi pertama - Sistem Makmal Kesihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Health Laboratory System) yang telah dihasilkan ini adalah kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dan KSSUP dalam bidang makmal dari pelbagai disiplin yang mengandungi rangka sistem, dasar, objektif, strategi perancangan, pelaksanaan, penilaian, dan pemantauan serta elemen-elemen utama bagi sistem makmal. Buku ini akan dijadikan sebagai rujukan dalam merangka mekanisme dalam perlesenan makmal swasta bagi mendukung undang-undang seperti Private Healthcare Institution Order; Animal (Disease and Quarantine) Order; and Public Health (Food) Act.

BDNHLS ini akan memberi penekanan kepada beberapa perkara yang mendorong kepada kecemerlangan, kepuasan pelanggan yang lengkap dan peningkatan kualiti yang berterusan. Pada peringkat awal ini, pembentukan dan pelaksanaan BDNHLS akan mencapai dua tindakan utama, iaitu, pertama, memperkuatkkan mekanisme perkongsian maklumat dan kepakaran makmal melalui Joint National Taskforce for Zoonotic Diseases, dan kedua, mewujudkan mekanisme kebangsaan untuk perlesenan makmal berdasarkan kepada undang-undang yang sedia ada.

Dalam pada itu, sebuah Jawatankuasa Pandu iaitu Jawatankuasa BDNHLS

(BDNHLS-C) telah ditubuhkan yang akan dipengerusikan bersama oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan dan Timbalan Setiausaha Tetap Kedua KSSUP dengan ahli-ahlinya terdiri daripada pelbagai agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta.

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk mengawasi, memastikan dasar dan objektif BDNHLS dilaksanakan dengan betul dan berkesan termasuk dengan :

- Mengesahkan komitmen dan sokongan kerajaan terhadap organisasi dan pengurusan perkhidmatan makmal yang cekap, kos efektif dan mampar;
- Membangun dan melaksanakan dasar-dasar negara, rangka kerja pengawalseliaan yang menyokong dan struktur organisasi dan pengurusan yang berkesan;
- Memperkuatkkan perkhidmatan makmal bagi menyokong diagnosis, rawatan, pengawasan, pencegahan dan kawalan penyakit;
- Mewujudkan standard kebangsaan bagi sistem kualiti makmal;
- Memastikan makmal yang berkualiti melalui sistem kualiti yang telah ditetapkan;
- Mempunyai sumber kewangan dan sumber manusia bagi memenuhi keperluan perkhidmatan makmal;
- Memastikan kecekapan dan keberkesaan sistem makmal;
- Untuk komited kepada nilai-nilai etika dalam amalan makmal, termasuk kerahsiaan pesakit, pematuhan kepada tata keluaran profesional dan amalan penyelidikan etika dan;
- Menggalakkan penyelidikan dan kerjasama bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan makmal.

>> Muka 13

SIDANG PENGARANG

7 FEBRUARI 2024

Pemeriksaan saringan dapat selamatkan nyawa

HARI Kanser Sedunia disambut setiap 4 Februari di seluruh dunia dan Negara Brunei Darussalam (NBD) juga tidak ketinggalan dalam sama-sama menyambut dan memberikan kesedaran yang lebih dalam lagi terhadap penyakit berkenaan malah sambutan tersebut merupakan salah satu usaha global dalam melawan penyakit kanser.

Dengan membawakan tema 'Menutup Jurang Penjagaan' di mana pada tahun ini, NBD akan mengutamakan penyakit kanser sebagai punca utama kematian, untuk membangun strategi-strategi yang berinovatif bagi menangani ancaman penyakit kanser dan juga membuat pelaburan untuk menuju ke arah dunia yang lebih adil dan bebas kanser.

Daftar Kanser Negara Brunei Darussalam (BDCR) iaitu pada tahun 2022, menunjukkan sebanyak 743 kes baru dikesan menghidap penyakit kanser dalam kalangan warganegara dan penduduk tetap di negara ini.

Demikian antara yang diucapkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya bersempena dengan Hari Kanser Sedunia 2024 di mana Yang Berhormat seterusnya berucap bahawa pecahan jenis-jenis penyakit kanser yang lazim bagi golongan lelaki adalah kanser kolorektal, kanser prostat dan kanser paru-paru.

"Manakala bagi golongan wanita pula, jenis-jenis kanser yang lazim adalah kanser payudara, kanser rahim dan kanser kolorektal. Bagi menangani isu ini, tindakan di semua peringkat kontinum penjagaan kanser (*cancer care continuum*) iaitu dari pengesanan awal, rawatan dan penjagaan akhir hayat adalah sangat penting," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Selain itu, dalam perutusan Menteri Kesihatan, pemeriksaan saringan juga perlu diutamakan dalam melawan penyakit kanser kerana ia dapat mengesan penyakit kanser di peringkat awal sebelum merebak ke peringkat yang lebih lanjut.

Justeru, pemeriksaan saringan sememangnya dapat menyelamatkan nyawa dan dengan intervensi awal, ia boleh meningkatkan prognosis dan survival pesakit. Kementerian Kesihatan pada tahun 2019 telah melancarkan Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (National Health Screening Programme) iaitu satu program yang menyediakan pemeriksaan saringan bagi beberapa penyakit kanser yang penting termasuk bagi kanser kolorektal, payudara dan pangkal rahim.

Dalam perutusan tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya menyeru kepada setiap individu untuk memperkasakan diri untuk menjaga kesihatan masing-masing bagi mencegah atau mengurangkan risiko penyakit kanser dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut iaitu berhenti merokok dan mengelakkan diri pada terdedah kepada asap rokok.

Seterusnya, mengekalkan berat badan yang sihat, mengamalkan pemakanan yang sihat dan seimbang termasuk memastikan kecukupan pengambilan buah-buahan dan sayuran-sayuran serta mengurangkan diet berlebihan. Kemudian melakukan kegiatan fizikal iaitu sekurang-kurangnya 30 minit kegiatan fizikal sehari dalam lima hari atau lebih dalam seminggu.

Sehubungan itu, marilah kita semua komited dalam menjaga kesihatan masing-masing dan bekerjasama untuk mencapai visi 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' selaras dengan Matlamat Kedua dalam Wawasan Brunei 2035 iaitu mengekalkan kualiti kehidupan yang tinggi. - Ketua Penyuntingan (ZK)

WAKTU SEMBAHYANG

Februari	MASIH	HARI	Rejab	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	RABU	26	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44	
8	KHAMIS	27	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44	
9	JUMAAT	28	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44	
10	SABTU	29	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44	
11	AHAD	1	Syaabani	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
12	ISNIN	2		5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
13	SELASA	3		5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
31 25 °C	31 25 °C	32 25 °C
Pekan Bangar		
31 25 °C	31 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong		
31 25 °C	31 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait		
31 25 °C	31 25 °C	32 25 °C

Wallahu alam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دَنْرِيْتَكْ اُولَه جَابِنْ قَفْرَاغْن، جَابِنْ قَفْرَانْ دَانْ دَجِيْنِقْ اُولَه قَرِينْ قَلْسْ سَنْدِيرِينْ بَرَحَدْ، نَكَارَا بَرُونِي

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Ambil iktibar, pengajaran sebagai langkah ke hadapan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mempengerusikan Mesyuarat Khas Bersama Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Perkahwinan Diraja yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sangat memahami kekesalan serta keriuhan orang ramai, khususnya daripada kalangan ibu bapa sudah tentu tidak sesiapa pun yang mahu anak-anak mereka makan makanan *bangas*.

"Alhamdulillah, Allah Maha Kasih kepada kanak-kanak dengan memberikan kepada mereka hidayat petunjuk supaya jangan makan nasi yang *bangas*. Sekiranya semua mereka itu makan nescaya sekaliannya akan mengalami keracunan dan beramai-ramai dibawa ke hospital," titah baginda.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

menilai tidak cukup dengan hanya jawapan tiada penuntut yang dilaporkan mengalami keracunan makanan tetapi seharusnya yang wajib ditekankan ialah sama ada semua yang terlibat telah mendapat bahagian makanan mereka dengan sempurna.

Apa yang sangat mendukacitakan titah baginda lagi, ialah perkara ini dialami oleh penuntut-penuntut sekolah yang tidak berdaya untuk mencari alternatif sendiri berbanding penjawat awam. Baginda yakin, siapa pun dapat menjangkakan kenapa nasi tersebut *bangas* dan berulat iaitu disebabkan kecualian sekutu penyediaannya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah difahamkan bahawa terdapat penyediaan makanan yang dibuat sehari lebih awal walhal makanan tersebut adalah untuk bekalan keesokan harinya.

"Bukankah tindakan ini boleh mendatangkan mudarat dari segi

kesihatan kepada mereka yang memakannya. Sebilangan pihak sekolah pula dilaporkan telah menyimpan atau meletakkan makanan di tempat yang tidak beratap dan terdedah kepada lalat dan cuaca panas sehingga makanan berubah rasa dan menjadi *bangas*," titah baginda.

Menurut titah baginda, kejadian turut ditularkan di media sosial dan kemudiannya sengaja diperbesar oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab seolah-olah kesemua bekalan makanan yang disediakan oleh syarikat-syarikat pembekal yang dipilih telah didapatkan dalam keadaan tercemar. Walhal baginda bertitah difahamkan bahawa ia hanya melibatkan bekalan oleh dua syarikat pembekal sahaja.

Kebawah DYMM juga menzhahirkan perasaan dukacita, apabila terdapat sebilangan kecil orang ramai khususnya para *netizen* telah menggunakan media sosial untuk menyuarakan kekesalan mereka sehingga ada yang tergamak untuk melemparkan kata-kata cemuhan serta berunsur hasutan dan secara lantang

membidas ketidakcekapan pihak jawatankuasa tertinggi, urus setia dan jawatankuasa kerja malah ahli-ahli kerabat diraja juga turut menerima tempiasan tohongan tersebut.

"Padahal beta telah memberikan amanah dan kepercayaan yang tinggi kepada semua pihak yang terlibat agar memastikan semua berjalan lancar, teratur dan sempurna. Namun, 'nasi sudah menjadi bubur', apa yang mestilah dibuat sebagai langkah ke hadapan ialah dengan mengambil iktibar serta pengajaran dari insiden ini," tegas baginda.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya juga, Istiadat Perkahwinan Diraja bagi paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen

Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam telah pun selamat dan sempurna diadakan.

Baginda mengambil maklum bahawa pihak jawatankuasa di peringkat tertinggi dan jawatankuasa-jawatankuasa kerja, para penuntut sekolah dan tenaga pengajar di setiap peringkat pendidikan serta para penjawat awam yang terlibat telah berusaha dalam memberikan komitmen yang tinggi untuk sama-sama memastikan istiadat tersebut terutama Istiadat Perarakan Pengantin Diraja dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Dalam pada itu, baginda merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas segala usaha dan penat lelah yang telah disumbangkan dan mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membala segala kebaikan-kebaikan tersebut dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Kaji, teliti pelan perancangan secara terperinci

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Februari. - Setiap perancangan perlu ada perancangan utama, perancangan alternatif dan juga perlu mengambil kira *worst case scenario*.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut memberi teguran dan saranan kepada semua jawatankuasa yang mengendalikan majlis ataupun acara-acara besar negara agar sentiasa memikirkan setiap pelan-pelan perancangan secara terperinci dari awal majlis hingga ke hujung majlis selesai dan bersurau.

"Apa juar tindakan atau susul atau rancangan sepatutnya dibuat kajian dan penelitian yang mendalam mengenainya," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mempengerusikan Mesyuarat Khas Bersama Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Perkahwinan Diraja yang berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini.

Menyentuh isu kenderaan, baginda difahamkan penuntut sekolah terpaksa menunggu bas begitu lama tetapi bas tidak kunjung tiba.

"Ke manakah bas-bas itu pergi bersama pemandunya? Ke mana lesapnya bas-bas selepas membawa kanak-kanak ke tempat yang ditentukan? Mengapa bas-bas itu tidak diaturkan untuk menunggu di tempat tertentu bagi kanak-kanak mudah menulusnya setelah selesai perarakan?" soal baginda.

Baginda bertitah, jika memang berlaku kesesakan lalu lintas maka pihak-pihak yang berkenaan harus mencari jalan-jalan alternatif dan bukannya menunggu sehingga kesesakan reda.

Titah baginda lagi, bukankah ada jalan yang lain yang boleh digunakan lebih-lebih lagi mengambil kira perarakan telah pun selesai. Pada mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan sebarang pandangan atau ulasan mengenainya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga

bertitah mempersoalkan apakah jawatankuasa sudah ada post-mortem dibuat berhubung perkara ini. Apakah sudah ada rancangan pemberian bagi acara-acara lain di masa hadapan?

SYARIKAT PEMBEKAL PERLU DINILAI, DIPERHATIKAN TERLEBIH DAHULU

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, perlu ada penilaian dan pemerhatian keadaan dan kemampuan syarikat-syarikat pembekal sebelum menetapkan berapa jumlah yang dibenarkan untuk syarikat-syarikat berkenaan menyediakan makanan.

"Beta dimaklumkan, ada syarikat sampai 9,000 lebih dibenarkan untuk mengagihkan tapau, ada yang 6,000 lebih, ada 5,000 lebih dan 4,000 lebih dan seterusnya. Jumlah-jumlah ini memang besar maka mestilah ditimbang, diteliti terlebih dahulu sebelum meluluskan sebarang jumlah bagi satu-satu syarikat," titah baginda semasa berkenan mempengerusikan Mesyuarat Khas Bersama Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Perkahwinan Diraja yang berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini.

Baginda seterusnya bertitah

menegaskan, timbang dan nilai dahulu keadaan dan kemampuan pihak-pihak yang akan diminta membuat urusan termasuk bilangan pekerja berapa orang dan juga soal peralatan.

Titah baginda, semua ini mesti diteliti dahulu termasuk lebih mustahak diingat ialah risiko sekiranya pihak penyedia itu tidak mampu dan tidak cukup pengalaman serta peralatan, ia semua mesti dikenal pasti terlebih dahulu.

Terdahulu, baginda bertitah mempersoalkan apakah sepanjang perancangan bagi membekalkan makanan tersebut dilaksanakan. Pihak jawatankuasa turut memikirkan sebarang jangkaan *worst case scenario* yang mungkin berlaku semasa acara tersebut. Baginda juga bertitah ingin tahu apakah pihak berkenaan ada sebarang kaedah atau pelan-pelan alternatif jika jangkaan *worst case scenario* tersebut berlaku.

Pada titah baginda lagi, acara yang diadakan diketahui adalah merupakan sebuah acara yang berskala besar yang melibatkan jumlah keramaian para penuntut sekolah dan para penjawat awam yang sangat ramai. Titah baginda,

jika makanan-makanan tersebut sudah tercemar dan tidak ada alternatif lain maka bermakna, para peserta berada dalam keadaan berlapar.

Pada hemat baginda, jika sekiranya acara-acara sedemikian memerlukan lebih banyak penyertaan syarikat-syarikat katering atau pembekal makanan di negara ini, maka perkara tersebut boleh sahaja ditawarkan asalkan pihak-pihak yang terlibat dapat menjamin mutu perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti dan yang terbaik.

"Beta tidak mahu jika perbelanjaan pihak kerajaan yang dikeluarkan ini sebaliknya hanya akan merugikan pihak kerajaan dan lebih-lebih lagi berpotensi untuk mendatangkan kesan buruk kepada mana-mana pihak.

"Beta tidak ingin memberati atau menudung jari kepada mana-mana pihak, beta percaya bahawa setiap pihak berkenaan telah cuba melakukan yang terbaik. Namun beta percaya, masih ada perkara-perkara yang memerlukan pemberian dan dibuat kepastian bahawa setiap acara akan berjalan dengan baik dari mula hingga akhir," tegas titah baginda.

KEBAWAH DYMM BERKENAN MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT KHAS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Mesyuarat Khas Bersama Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Perkahwinan Diraja. Berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (kanan). Manakala gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat

Khas Bersama Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Perkahwinan Diraja, hari ini.

Berangkat sama pada mesyuarat yang berlangsung di Istana Nurul Iman, paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan



dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Mesyuarat tersebut didahului dengan bacaan doa oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka

Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Pada mesyuarat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengurniakan titah.

Turut berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran

Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Timbalan-timbalan Menteri serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Perkahwinan Diraja.




TURUT berangkat dan hadir pada Mesyuarat Khas Bersama Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Perkahwinan Diraja ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Timbalan-timbalan Menteri serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Perkahwinan Diraja (kiri, atas dan bawah kanan).



DOA dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

WDS 2024 KETENGAHKAN TEKNOLOGI MASA DEPAN PERTAHANAN



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

>> Muka 1

WDS 2024 dibuka secara rasmi oleh Duli Yang Teramat Mulia Putera Khalid bin Salman Al Saud, Menteri Pertahanan Arab Saudi diikuti dengan paparan udara Saudi Hawks, Pasukan Paparan Udara Tentera Udara Diraja Saudi. Sebelum merasmikan pameran berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan menerima mengadap secara berkumpulan Menteri-menteri Pertahanan

yang hadir.

WDS 2024 adalah pameran pertahanan dan keselamatan bertaraf dunia yang dianjurkan setiap dua tahun sekali oleh General Authority for Military Industries (GAMI) Arab Saudi dan diadakan di bawah naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi.

Bertemakan 'Equipped for Tomorrow', Pameran WDS tahun ini disertai lebih 750 peserta

pameran antarabangsa daripada 45 buah negara termasuk Australia, Singapura dan United Kingdom dan mengetengahkan teknologi masa depan yang membentuk industri pertahanan dan keselamatan serta menampilkan perkembangan teknologi global terkini dalam lima domain utama iaitu keupayaan darat, maritim, udara, angkasa dan keselamatan. WDS 2024 juga mempertontonkan pameran statik dan kemajuan teknologi dalam keselamatan siber dan kecerdasan buatan atau lebih dikenali sebagai Artificial Intelligence (AI).



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II bersama Menteri-menteri Pertahanan yang telah diundang menghadiri sesi junjung ziarah berkumpulan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Putera Khalid bin Salman Al Saud, Menteri Pertahanan Arab Saudi (kiri), manakala gambar atas, Yang Berhormat bersama rombongan Negara Brunei Darussalam ke The Second Edition of the World Defence Show 2024 yang diadakan pada 4 hingga 8 Februari 2024 di Riyadh, Arab Saudi.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II turut menghadiri Forum Future Defence Leadership yang diadakan serentak dengan WDS 2024 yang membentangkan ucapan utama dan sesi panel bersama pihak kerajaan, tentera dan industri yang mengetengahkan dasar, trend industri pertahanan dan inovasi.

Forum tersebut menekankan kepentingan kerjasama di antara sektor awam, swasta, komersial dan teknikal pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pembangunan teknologi. Forum ini juga memberikan pandangan mengenai kerajaan

Arab Saudi dalam kepentingan penyelidikan dan pembangunan melalui pengurusan sumber manusia yang berkesan dan inovasi kreatif bagi mencapai keunggulan teknologi (*technological superiority*).

Rombongan Kementerian Pertahanan turut mengambil peluang melawat ruang pameran syarikat-syarikat yang turut serta termasuk Industri-industri Pertahanan Kerajaan Arab Saudi. WDS 2024 berlangsung sejurus selepas Mesyuarat Islamic Military Counter Terrorism Coalition (IMCTC) Defense Ministers Council Kali Kedua, pada 3 Februari 2024 yang juga diadakan di Riyadh, Arab Saudi.

Platform perbincangan, bertukar pandangan secara konstruktif



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada Sesi Muzakarah antara Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang diadakan di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

>> Muka 1

Manakala rombongan daripada Ahli-ahli MMN

diketuai oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin, yang juga turut menyampaikan ucapan balas semasa

permuzakarah berkenaan. Sesi Muzakarah berkenaan merupakan sebuah platform perbincangan serta bertukar-tukar pandangan dan pengetahuan secara konstruktif dalam mencapai objektif yang

sama dalam memajukan ekonomi negara melalui perbelanjaan negara yang relevan dan berdaya tahan, demi sama-sama menjaga kemakmuran rakyat pada masa ini dan generasi yang akan

datang.

Selain itu, Ahli-ahli MMN juga turut mendengarkan inisiatif-inisiatif dan pencapaian-pencapaian Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi 2023.

MUZAKARAH KONGSI STRATEGIK TINGKATKAN KELUARAN INDUSTRI



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berucap dan hadir pada Sesi Muzakarah (kiri dan bawah). Manakala gambar kanan, sesi bergambar ramai bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Timbalan Setiausaha Tetap I KSSUP, Awang Hajah Yusree bin Haji Junaidi; Timbalan Setiausaha Tetap II KSSUP, Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar; pengarah-pengarah jabatan dan ketua-ketua bahagian serta pegawai-pegawai kanan KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sesi Muzakarah dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, yang antara lain mengongsikan mengenai dengan pencapaian dan sasaran keluaran Sektor KSSUP.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam ucapannya menyatakan bahawa KSSUP menyedari akan cabaran untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang mampan bagi sektor-sektor utama iaitu pertanian, perikanan dan perhutanan serta pelancongan, dengan mengambil kira perubahan trend ekonomi global, yang mana memerlukan kerjasama semua pihak secara kolektif untuk menghadapi cabaran semasa.

BERAKAS, Isnin, 5 Februari. - Hala tuju strategik dan fokus utama dalam meningkatkan keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan antara yang dikongsikan semasa Sesi Muzakarah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Sesi Muzakarah yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP itu dihadiri oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin. Seramai 17 Ahli MMN diketuai oleh Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin hadir pada Sesi Muzakarah berkenaan.



SESSI MUZAKARAH DIANTARA
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN BERBAGAI DENGAN
YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA
TAHUN 2024

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

industri pemprosesan dan nilai tambah berdasarkan pertanian dan perikanan.

Pencapaian tahun 2023 juga memfokuskan kepada penyejajaran Peta Jalan Industri Makanan dengan mengukuhkan ekosistem rangkaian nilai (value chain) industri sektor makanan yang mana mempunyai impak yang berkesan untuk menyumbang secara signifikan kepada peningkatan KDNK, sekuriti makanan dan juga kepada pertumbuhan jumlah dan nilai eksport negara.

KSSUP telah berjaya menembusi pasaran eksport bagi komoditi telur ayam, Muskmelon, produk daripada sumber perikanan seperti udang dan ikan beku, produk-produk berproses berdasarkan daging dan produk berproses lain ke Sabah dan Sarawak, Malaysia dan Republik Singapura.

KSSUP menyasarkan pengeksportan produk berproses berdasarkan daging dan ayam segar ke Republik Singapura dan Malaysia dan meneruskan pengeksportan produk ikan beku dan udang ke Republik Rakyat China.

Pihak KSSUP melalui Jabatan Perhutanan, akan terus memastikan agar usaha-usaha dalam pembangunan dan pemuliharan sumber hutan negara akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan agar aktiviti-aktiviti pembangunan negara adalah selaras dengan prinsip pelancongan.

pembangunan yang mampan (*sustainable development*).

Dalam memenuhi komitmen KSSUP bagi penyalarasan 'Protokol Hijau' di bawah Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, setakat ini, inisiatif penanaman anak-anak pokok telah mencapai 26 peratus daripada sasaran 500,000 penanaman anak pokok menjelang tahun 2035.

KSSUP juga mendukung usaha pemajuan dan pembangunan industri pelancongan di negara ini yang mana pada tahun 2023, jumlah pelancong dari luar negara, ketara meningkat dengan merekodkan tidak kurang 300 peratus peningkatan dari tahun 2022.

Beberapa inisiatif dan projek baharu sedang diungkapkan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan seperti pembangunan produk-produk pelancongan (*niche product*) yang berteraskan kebudayaan dan semula jadi.

Di samping kerja-kerja pengukuhkan infrastruktur dan perkhidmatan pelancongan, beberapa inisiatif dukungan program ekspedisi pasaran dan promosi memperkenalkan produk pelancongan tempatan di luar negara telah dilaksanakan untuk menarik lebih ramai pelancong memilih Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu destinasi pelancongan.



سورو هنجاي فر خدمتن عام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolah**
bagi permojon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- Maklumat Peribadi**
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolah**
(Sijil berhenti Sekolah)



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- Pengalaman Kerja Kerajaan**
memandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiausahaan**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**



BARU

RAPTAI PENUH PASTIKAN KELANCARAN MAJLIS

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SEKITAR raptai penuh yang diadakan bagi memastikan kelancaran Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah pada Khamis, 27 Rejab 1445 Hijrah bersamaan 8 Februari 2024 Masihi.

BERAKAS, Selasa, 6 Februari. - Negara Brunei Darussalam akan meraikan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah pada Khamis, 27 Rejab 1445 Hijrah bersamaan 8 Februari 2024 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat

Persidangan Antarabangsa, Berakas mulai pukul 9.00 pagi. Sehubungan itu, raptai penuh diadakan pagi tadi bagi memastikan kelancaran majlis itu nanti.

Hadir bagi memastikan latihan berjalan lancar dan sempurna ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir bagi memastikan latihan berjalan lancar dan sempurna.

Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd Hanifah; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia

Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, selaku Pengurus Unified National Networks (UNN); Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1445 Hijrah.

Tema Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah ialah 'Sembahyang Tiang Ugama'. Majlis Sambutan

Israk dan Mikraj Peringkat Negara tahun ini akan diisikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Persembahan Selawat, Ceramah Khas dan Persembahan Khas.

Pada tahun ini, Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); JPM; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Pusat Da'wah Islamiah (PDI); dan UNN.

Sumbangan derma untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa bergambar ramai bersama para penyumbang bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Februari. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad telah menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 berjumlah BND12,000 daripada empat buah agensi petang tadi di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin menyumbangkan sejumlah BND5,000 bagi tabung berkenaan.

Chinese Chambers of

Commerce menyumbangkan sejumlah BND1,000 yang telah disampaikan oleh Vice President Chinese Chambers of Commerce, Lim Ting Chai, yang mana sumbangan adalah hasil kutipan daripada ahli-ahli persatuan.

Hokkien Association menyumbangkan sejumlah BND1,000 yang disampaikan oleh Vice President Chinese Chambers of Commerce and Hokkien Association, Lee Eng Ching, yang juga merupakan hasil sumbangan daripada ahli-ahli persatuan.

Zulkader & Company pula menyumbangkan sejumlah BND5,000 yang disampaikan oleh

Pengurus Pemasaran, Zulkader & Company, Awang Mohammad Aasheer s/o Imtiaz Ahmad.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, pegawai-pegawai dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) serta ahli-ahli daripada agensi berkenaan.

Tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah dilanjutkan selama tiga bulan lagi, iaitu sehingga 18 April 2024 bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk meneruskan aktiviti-aktiviti amal dan sumbangan derma kepada rakyat Palestin di Gaza.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung berkenaan hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu dari JAPEM selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih (100 peratus) disumbangkan kepada tabung berkenaan.

Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma sebahagian sahaja dari hasil kutipan bersih yang diperoleh dari mengadakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam, adalah disarankan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Selain itu, orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan juga boleh menderma secara dalam talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam

(BIBD), nombor akaun 00-001-01-0089051 (Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023) atau melalui perkhidmatan BIBD QuickPay dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan pelekat-pelekat (sticker) Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Peti-peti tabung juga disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Di samping itu, orang ramai juga boleh menghantar derma terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, JAPEM, bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat.

سوروهنجا قرخدمتن عوام
SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI I BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM
MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEkosongan jawatan, syarat-syarat kelayakan serta huriahan tugas dan tanggungjawab boleh dilayari di WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- 1 **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 **Lengkapkan Kelulusan** (kapusian / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** (Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenan)
- 4 **Tandaikan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang"** di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 **Lengkapkan Maklumat** (kursus / pekerjaan / Peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / Ijazah-Ijazah / kelayakan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan)

Bangsal WhatsApp: WWW.RECRUITMENT.GOV.BN
Bagi media sosial: WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

BANTU RINGANKAN BEBAN MANGSA KEBAKARAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyerahkan bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada penerima dan seterusnya bergambar ramai (atas dan atas kiri).

TEMBURONG, Isnin, 5 Februari.

- Dalam meringankan bebanan mereka yang ditimpa musibah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menyerahkan bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat kepada Awang Panai bin Agong dan Awang Solaiman bin Agong, pemilik rumah dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian kebakaran di Kampung Parit,

Daerah Temburong pada 19 Januari 2024.

Majlis penyerahan berkenaan berlangsung di Kampung Parit, Temburong.

Rumah dua tingkat milik Awang Panai yang didiami oleh sembilan penghuni telah ranap sepenuhnya termasuklah empat



www.mkkjr.gov.bn

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

buah kenderaan dan sebuah perahu milik penghuni.

Semasa kejadian, empat penghuni berada di tempat kejadian, manakala lima orang lagi bekerja dan berada di rumah saudara terdekat.

Akibat kejadian berkenaan, salah seorang anak Awang Solaiman yang berumur 22 tahun telah terkorban.

Punca kebakaran dipercayai akibat daripada penyambungan

pendawaian elektrik yang usang.

Bantuan catuan makanan asasi dan keperluan asas juga diberikan kepada keluarga mangsa.

Pemberian bantuan kewangan tersebut adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh keluarga mangsa.

Usaha berkenaan menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan, 13 - 15 Februari

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan bahawa Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah akan diadakan selama tiga hari,

iaitu pada 3, 4, dan 5 Syaaban 1445 Hijrah bersamaan 13, 14 dan 15 Februari 2024 bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sehubungan dengan itu, peserta-peserta yang terlibat hendaklah hadir lebih awal pada

hari, tarikh dan waktu yang ditetapkan mengikut kategori masing-masing, seperti dalam rajah.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi terus Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS menerusi talian +673 2237512 atau +673 2233364.

HARI	TARIKH	KATEGORI	MASA
Selasa	03 Sya'ban 1445 13 Februari 2024	Kategori 'B' dan Kategori 'C'	8.00 pagi
Rabu	04 Sya'ban 1445 14 Februari 2024	Kategori 'D' dan Kategori 'E'	8.00 pagi
Khamis	05 Sya'ban 1445 15 Februari 2024	Kategori 'A'	8.00 pagi

Penempatan sementara pesakit Wad 21, Wad 22 Hospital RIPAS

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Februari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa pesakit-pesakit di Wad 21 dan Wad 22, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan berpindah sementara ke tempat-tempat yang ditetapkan.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, pesakit di Wad 21 akan berpindah sementara ke Wad 1 (Blok 1, berdekatan Lobi 5) pada Isnin, 5 Februari 2024 dan pesakit di Wad 22 akan berpindah sementara ke Wad 2 (Blok 1, berdekatan Lobi 5) dan Wad 23 pada Rabu, 7 Februari 2024.

Penempatan sementara ini adalah bagi kerja-kerja penyelenggaraan unit penghawa dingin di wad-wad berkenaan.

Pesakit-pesakit di wad-wad tersebut akan berpindah balik semula ke tempat asal setelah kerja-kerja penyelenggaraan selesai dilaksanakan.

Manakala bagi pesakit-pesakit di Wad 2 (Coronary Care Unit) akan berpindah semula ke tempat asal iaitu di Wad 25, Tingkat 4, Blok 1, Hospital RIPAS pada Selasa, 6 Februari 2024.

Kementerian Kesihatan memohon maaf atas sebarang kesulitan dan ketidaksesuaian yang timbul. Kefahaman, kerjasama dan kesabaran orang ramai ke arah ini adalah sangat dihargai.

10 PESERTA TAMAT KURSUS BUTCHERING 3.0

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 6 Februari. - Seramai 10 peserta menamatkan Kursus Butchering 3.0, Pusat Pembangunan Belia (PPB) Tahun 2024 yang telah dijalankan selama tiga bulan, bermula bulan Oktober hingga Disember 2023.

Objektif Kursus Butchering 3.0 berkenaan antara lain bertujuan untuk memberikan latihan kemahiran yang bersesuaian dan berkaitan dengan kemahiran menyembelih termasuk kemahiran melapah daging; serta penyediaan dan pemprosesan daging, ayam dan ikan.

Selain itu, melalui kursus ini, para pelatih turut dibekalkan dengan pengetahuan utama dalam hal ehwal penyembelihan binatang ternak termasuk hukum hakam, adab dan tatatertib penyembelihan mengikut syarak.

Penyampaian sijil kepada para peserta telah disempurnakan pagi tadi pada majlis yang berlangsung di YDC Cafe, PPB, oleh Penolong

Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Awang Haswandi dalam ucapannya berkata, pada tahun ini, PPB telah melaksanakan sedikit inovasi dengan menambah beberapa elemen dalam modul pembelajaran seperti kaedah pemprosesan daging dengan membuat ujian memasak dan perapan.

Beliau melahirkan harapan agar segala ilmu yang diberikan dan diajarkan tersebut sedikit sebanyak dapat menampung keperluan dan telah disampaikan dengan berkesan.

Dalam pada itu, beliau turut mengongsikan bahawa sejak ditubuhkan pada tahun 1996, PPB telah menumpukan hala tujuanya pada memberi latihan kepada belia dalam pelbagai bidang yang bertujuan untuk melihat lebih ramai belia tempatan yang berkemahiran, mampu berdikari dan berpotensi untuk menyumbang secara positif



PENOLONG Pengarah Pusat Pembangunan Belia, Awang Haswandi bin Haji Osman semasa hadir dan seterusnya menyampaikan sijil kepada peserta (atas dan atas kiri).

kepada pembangunan serta kemajuan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang memfokuskan untuk melahirkan insan yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya,

di samping bagi memastikan PPB kekal relevan sebagai Pusat Kecemerlangan pembangunan latihan dan kemahiran di negara ini.

"Fokus latihan kemahiran di pusat ini juga telah diperluaskan dengan melaksanakan beberapa program komuniti dan kursus pendek yang melibatkan kumpulan sasaran yang lebih inklusif ke arah meningkatkan kebolehpasaran, keusahawanan dan pendidikan lanjut ke peringkat yang lebih

tinggi bagi golongan tersebut.

"Selain itu, usaha ini juga selaras dengan apa yang kita mahukan dalam Dasar dan Strategi Belia Negara 2020-2035 melalui Strategi Teras 3 Pendidikan, kebolehan dan pekerjaan yang ingin kita lihat dan pastikan bahawa semua belia di negara ini mempunyai pekerjaan yang bermakna pada masa hadapan dengan mendapatkan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran yang relevan dengan keperluan industri secara holistik," jelasnya.

Di samping itu, beliau menambah, dengan inisiatif

pembelajaran sepanjang hayat, belia dan komuniti digalakkan untuk merebut peluang semasa menjalankan kursus bukan sahaja yang ditawarkan oleh pusat ini tetapi juga daripada agensi lain di negara ini.

Mulai tahun 2023, PPB telah memulakan penjenamaan semula program komunitinya kepada Program Kemahiran Artisan dan Program Kursus Jangka Pendek bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti kursus komuniti yang ditawarkan dengan pelaksanaan dan kerjasama rakan-rakan strategik di negara ini.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan



سورو هنجاي قر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Tingkat kemahiran, pengetahuan pengurusan kewangan

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Cyber Security Brunei (CSB), Baiduri Bank, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Standard Chartered Bank, dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), mengadakan Jerayawara Celik Kewangan di Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada Rabu, 31 Januari 2024.

Semasa acara berkenaan, lebih 500 pelajar daripada Tahun 7 hingga Tahun 11 dari sekolah berkenaan menyertai aktiviti-aktiviti interaktif yang dianjurkan oleh institusi-institusi yang hadir.

Tujuan jerayawara berkenaan antara lainnya adalah untuk meningkatkan kefahaman tentang tanggungjawab BDCB sebagai bank pusat negara serta melengkapkan para pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan pengurusan kewangan yang bersesuaian dengan umur mereka.

Selain itu, PPDB juga turut mengongsikan mengenai peranan mereka sebagai agensi penguatkuasaan yang berobjektif untuk menjaga undang-undang dan ketenteraman negara.

CSB pula membarigakan mengenai keselamatan dalam talian, risiko-risiko yang berkaitan dengan teknologi digital serta menggalakkan para pelajar untuk menggunakan internet, terutamanya media sosial, secara bertanggungjawab.

BDCB juga mengadakan 'Program Menukar Duit Syiling' sebagai sebahagian daripada jerayawara berkenaan yang memberi peluang kepada para guru dan pelajar untuk menukar duit syiling mereka kepada mata wang polimer.

Mana-mana organisasi atau institusi yang berminat untuk menjemput BDCB untuk mengadakan jerayawara atau acara-acara kesedaran, boleh menghubungi BDCB melalui e-mel di info@bdcb.gov.bn atau melalui talian +673 8318388.

Maklumat lanjut mengenai BDCB juga boleh didapati di www.bdcb.gov.bn dan akaun Instagram @centralbank.brunei.



IRSYAD HUKUM

جَنَانُ مَعْنَى الْجَنَانِ
Jannatun Mu'na al-Jannan

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

WUDHU' merupakan satu ibadah yang penting dan istimewa dalam ugama Islam. Wudhu' disyariatkan setahun sebelum hijrah bersama pensyiaratan sembahyang fardhu lima waktu pada malam Isra' dan Mi'raj.

Wudhu' mempunyai banyak fadhilat. Antara fadhilat wudhu' ialah Allah Subhanahu wa Ta'alaa mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri. Allah Subhanahu wa Ta'alaa berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 222:

Tafsirnya : Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa mensucikan diri.

(Surah al-Baqarah: 222)

Maksud "orang yang banyak bertaubat" dalam ayat di atas ialah orang yang mensucikan dirinya daripada dosa-dosa. Manakala maksud "orang yang sentiasa

Perkara-Perkara Yang Disunatkan Padanya Berwudhu'

"mensucikan diri" ialah mereka yang menjaga diri mereka daripada kekotoran, sentiasa membersihkan diri, dan sentiasa berada dalam keadaan yang suci daripada *hadats* besar dan *hadats* kecil. Mereka inilah orang-orang yang dikasihi Allah Subhanahu wa Ta'alaa.

Melazimkan diri dalam keadaan berwudhu' adalah salah satu sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam dan ia merupakan ciri-ciri orang yang beriman. Tsauban Radhiallahu 'anhу meriwayatkan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah bersabda:

Maksudnya : Dan ketahuilah oleh kamu bahawa sesungguhnya sebaik-baik amalan kamu adalah sembahyang, dan tidak ada sesiapa yang (sentiasa) menjaga wudhu' melainkan orang yang beriman.

(Hadits riwayat Ibn Majah)

Antara kelebihan wudhu' lagi ialah wudhu' menghapuskan dosa-dosa kecil. Abu Hurairah Radhiallahu 'anhу meriwayatkan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya : Apabila seorang muslim atau seorang mukmin berwudhu' lalu dia membasuh mukanya, (maka) keluar daripada mukanya itu semua dosa yang telah dia lihat dengan kedua matanya bersama air (wudhu') atau bersama titisan air (wudhu') yang terakhir. Apabila dia membasuh kedua-dua tangannya, (maka) keluar daripada kedua-dua tangannya semua dosa yang telah dia lakukan dengan kedua-dua tangannya itu bersama air (wudhu') atau bersama titisan air (wudhu') yang terakhir. Apabila dia membasuh kedua-dua kakinya, (maka) keluar semua dosa yang dia jalani dengan kedua kakinya bersama air (wudhu') atau bersama titisan air (wudhu') yang terakhir, sehingga dia selesai (dari berwudhu') dalam keadaan suci daripada dosa-dosa (kecil).

(Hadits riwayat Muslim)

Wudhu' ada kalanya diwajibkan seperti apabila hendak mengerjakan sembahyang,

tawaf, sujud syukur dan sujud tilawah. Ibadah tersebut tidak sah jika dikerjakan tanpa wudhu'.

Wudhu' juga ada kalanya disunatkan. Antara sebab disunatkan wudhu' ialah:

i. *Ittiba'* iaitu mencontohi perbuatan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam.

ii. Sebagai jalan keluar daripada perbezaan pendapat para ulama dalam perkara-perkara yang membatalkan wudhu'.

iii. Bagi tujuan *ta'zim* (memuliakan).

iv. Bagi tujuan menghapus dosa.

Perkara-perkara yang disunatkan padanya berwudhu' kerana *ittiba'* ialah:

i. Berwudhu' ketika hendak tidur walaupun dalam keadaan junub. Tuntutan ini berdasarkan hadits daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anhа bahwasanya beliau berkata:

Maksudnya : Bahwasanya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam apabila Baginda hendak tidur, Baginda berwudhu' (sebagaimana) wudhu' Baginda untuk sembahyang.

(Hadits riwayat Ahmad)

Dalam hadits yang lain pula, 'Aisyah Radhiallahu 'anhа berkata:

Maksudnya : Bahwasanya Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, apabila Baginda hendak tidur dan Baginda dalam keadaan junub, Baginda membasuh kemaluan Baginda dan berwudhu' (sebagaimana wudhu') untuk sembahyang.

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Menurut ulama, selain disunatkan berwudhu' ketika hendak tidur, sunat juga hukumnya berwudhu' setelah bangun daripada tidur.

ii. Berwudhu' ketika mandi wajib. Tuntutan ini berdasarkan hadits daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anhа bahwasanya beliau berkata:

Maksudnya : Sesungguhnya Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam apabila Baginda mandi kerana junub, maka Baginda akan membasuh kedua tangan Baginda

(Hadis riwayat al-Bukhari)

iii. Ketika orang yang junub hendak makan atau minum. Tuntutan ini berdasarkan hadits daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anhа bahwasanya beliau berkata:

Maksudnya : Apabila seseorang

kemudian berwudhu' sebagaimana Baginda berwudhu' untuk sembahyang.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut ulama, selain mandi wajib, sunat juga berwudhu' ketika mandi sunat. Tuntutan sunat berwudhu' ketika mandi wajib atau mandi sunat ini boleh dilaksanakan sama ada sebelum mandi, semasa mandi atau selepas selesai mandi. Walau bagaimanapun, berwudhu' sebelum memulakan mandi adalah afdal.

iv. Ketika orang yang junub hendak makan atau minum. Tuntutan ini berdasarkan hadits daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anhа bahwasanya beliau berkata:

Maksudnya : Bahwasanya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam apabila Baginda dalam keadaan junub, lalu Baginda hendak makan atau tidur, Baginda berwudhu' (sebagaimana) wudhu' Baginda untuk sembahyang.

(Hadits riwayat Muslim)

v. Berwudhu' semasa marah, kerana wudhu' dapat memadamkan kemarahan. 'Athiyah Radhiallahu 'anhу meriwayatkan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya : Sesungguhnya marah itu daripada syaitan, dan sesungguhnya syaitan itu dicipta daripada api, dan sesungguhnya api itu dipadamkan dengan air. Maka jika seseorang daripada kamu marah, maka berwudhu'lah.

(Hadits riwayat Abu Daud)

منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلوان فرصة دعوه اسلاميه

SRAK Mikraj adalah peristiwa penting dalam sejarah Islam yang terjadi pada malam 27 Rejab Tahun Ke-12 kenabian Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Peristiwa ini terjadi ketika Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sedang berada di Masjidilharam di Mekah. Dalam Bahasa Arab, Israk Mikraj ini terdiri daripada dua perkataan yang berbeza yang mana Israk itu bermaksud perjalanan malam, sementara Mikraj itu bermaksud kenderaan.

Dalam peristiwa ini, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melakukan perjalanan malam dari Masjidilharam ke Masjidil Aqsa di Baitulmaqdis, Palestin menggunakan Buraq. Setelah sampai di Masjidil Aqsa, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melakukan perjalanan ke langit ketujuh dan bertemu dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Peristiwa ini telah tertulis dalam Surah Al-Israa', ayat 1 yang mafhumnya :

"Maha Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjidil Aqsa (Baitulmuqaddis di Palestin), yang Kami berkatikan sekelingnya supaya Kami memperlihatkan

kepadanya sebahagian daripada tandanda (kebesaran dan kekuasaan) Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".

Seperi yang diketahui, pada peristiwa inilah kewajipan sembahyang lima waktu telah diturunkan bagi umat Islam yang baligh dan berakal. Allah telah berfirman dalam Surah Thaahaa, ayat 14 yang mafhumnya :

"Sesungguhnya Akulah Allah, tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Aku maka sembahlah Aku dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati-Ku".

Sembahyang adalah ibadat yang menduduki tempat tertinggi. Seandainya seseorang Muslim itu taat mendirikan sembahyang fardhu sebanyak lima kali dalam sehari bermakna dia seolah-olah menegakkan agamanya.

Apabila meninggalkan solat, ia umpama seseorang itu tidak mahu berusaha membina agamanya dengan sempurna. Terdapat tidak kurang 100 ayat dalam Al-Quran membicarakan mengenai sembahyang.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Mu'minun, ayat 1-2 yang mafhumnya :

"Sesungguhnya berjayalah orang-orang beriman. (laitu) orang-orang yang khusuk dalam sembahyang mereka".

Dalam satu lagi ayat dalam Surah Al-A'laa, ayat 14 - 15, Allah Subhanahu Wata'ala menegaskan yang mafhumnya :

"Sesungguhnya berjayalah orang yang

mensucikan dirinya (daripada kufur dan maksiat). Dan menyebut (serta mengingat) nama Tuhan mereka serta mendirikan sembahyang".

Sembahyang perlu ditafsirkan sebagai jalan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala untuk membimbing manusia supaya sentiasa menghargai dan menepati masa. Allah Subhanahu Wata'ala juga telah berfirman dalam Surah An-Nisaa', ayat 103 yang mafhumnya :

"Kemudian apabila kamu telah selesai mendirikan sembahyang maka ingatlah Allah ketika kamu berdiri dan duduk serta ketika kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana

biasa). Sesungguhnya sembahyang itu ialah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya".

Jelas kepada kita, mendirikan sembahyang itu bukan seperti melepaskan batuk di tangga sahaja, sebaliknya Allah Subhanahu Wata'ala arahkan kita khusuk iaitu memberi sepenuh tumpuan terhadap ibadat sembahyang. Sesungguhnya sembahyang ialah penawar bagi seluruh kehidupan dunia dan akhirat. Segala masalah dunia niapun ukhrawi dapat diselesaikan dengan sembahyang kerana mendirikan sembahyang ketika dalam masalah itu umpsama bersegera menuju rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

SEMBAHYANG adalah ibadat yang menduduki tempat tertinggi.

Seandainya seseorang Muslim itu taat mendirikan sembahyang fardhu sebanyak lima kali dalam sehari bermakna dia seolah-olah menegakkan agamanya. Apabila meninggalkan solat, ia umpama seseorang itu tidak mahu berusaha membina agamanya dengan sempurna. Terdapat tidak kurang 100 ayat dalam Al-Quran membicarakan mengenai sembahyang. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Mu'minun, ayat 1-2 yang mafhumnya : "Sesungguhnya berjayalah orang-orang beriman. (laitu) orang-orang yang khusuk dalam sembahyang mereka".

PASTIKAN PERINTAH PEKERJAAN 2009 DIPATUHI



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait mengendalikan Operasi Siaga 21/2024 (atas dan bawah).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait mengendalikan Operasi Siaga 21/2024 di dua kawasan berasingan pada 29 Januari 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan pertama yang dijalankan adalah di kawasan Sungai Liang, Daerah Belait yang mendapat sebanyak satu kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 112 (2), kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, dengan seorang pekerja berjawatan buruh membuat pekerjaan juruwang.

Pemeriksaan kedua yang dijalankan adalah di kawasan Sungai Liang, Daerah Belait yang mendapat sebanyak dua kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 10, gagal menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis; dan Bab 82, gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas.

Bagi kesalahan berkenaan, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



Kenali Bahasa Brunei

Licak bermaksud

1 becak.

Contoh pemakaian kata : tanah **licak**.

2 tidak keras tentang masakan, adunan, dan lain-lain.

Contoh pemakaian kata : nasi dijarangnya atau **licak**.

Lidut bermaksud perlahan tentang perbuatan atau pergerakan.

Contoh pemakaian kata : batisnya latak sakit iatah **lidut** jalannya.

Naindah bermaksud barang atau perkakas dan lain-lain.

Contoh pemakaian kata : bah panyap tia **naindah** atas mijah atu.

Tabuk bermaksud jendela atau tingkap.

Contoh pemakaian kata : bakabat samua **tabuk** rumahnya.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS



Foto : Azmah Haji Ahad

Nasi Goreng Kampung Kampung Termada

BAHAN-BAHAN :

2 ulas bawang putih (dihiris)

2 ulas bawang merah (dihiris)

1 ketul kecil balacan

Segenggam pusu

1 manguk nasi putih

Garam dan perasa secukupnya

Minyak masak

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Panaskan minyak, kemudian masukkan bawang yang dihiris

dan pusu masak sehingga garing. Setelah itu, masukkan nasi dan belacan. Kemudian, tambahkan garam dan perasa secukupnya.

Siap untuk dihidang.

CERAMAH KERJAYA BENTUK MASA DEPAN PELAJAR



SERAMAI 68 pelajar dari maktab berkenaan menyertai ceramah tersebut (kiri dan kanan). Manakala gambar bawah kiri, para pelajar semasa menyaksikan pameran.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Dalam memberikan pendedahan dan peluang bagi mereka yang berminat untuk membina kerjaya dalam industri hospitaliti dan pelancongan, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan mengadakan Ceramah Kerjaya yang berlangsung di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, hari ini.

Seramai 68 pelajar dari maktab berkenaan menyertai ceramah tersebut di mana ia mendidik dan memberikan inspirasi kepada belia yang akan menjadi profesional pelancongan dan hospitaliti pada masa hadapan.

Ceramah tersebut juga mengetengahkan laluan kerjaya dalam industri pelancongan dan hospitaliti di Negara Brunei Darussalam di mana taklimat serta pembentangan telah disampaikan oleh para profesional dan pakar industri dari Hotel Aman Hills, Royal Brunei Culinary dan Travelhub Tours and Travel Sdn. Bhd. Maktab berkenaan merupakan sekolah yang kelima semenjak



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Jabatan Kemajuan Pelancongan melaksanakan inisiatif tersebut.

Sejak awal tahun, jabatan ini telah berdedikasi untuk meningkatkan kesedaran khususnya dalam kalangan pelajar dari pelbagai sekolah menengah. Satu siri Ceramah Kerjaya telah dimulakan bukan sahaja untuk melengkapkan mereka dengan pemahaman menyeluruh tentang Industri Sektor Hospitaliti dan Pelancongan tetapi juga untuk menawarkan bimbingan berharga kepada pelajar yang bercita-cita untuk meneruskan kerjaya selepas menamatkan persekolahan.

Selepas sesi taklimat, Pusat Pembangunan Belia (PPB) menganjurkan Pameran Mini Kerjaya yang memperkenalkan dan memberikan maklumat mengenai kursus-kursus yang ada dalam pelancongan, hospitaliti, dan seni kulineri.

Jabatan Kemajuan Pelancongan akan mengadakan lebih banyak Ceramah Kerjaya dengan institusi dan sekolah-sekolah di Negara Brunei Darussalam bagi menyediakan kefahaman yang mendalam kepada para pelajar mengenai peluang-peluang yang terdapat bagi mereka.



MINDA PEMBACA

Kesihatan suatu anugerah, syukuri nikmat diberikan

KESIHATAN adalah satu anugerah yang sering kali diambil mudah oleh kebanyakan daripada kita. Kita terlalu sering melupakan bawaan nikmat ini adalah sesuatu yang patut disyukuri setiap hari. Kesihatan bukanlah sesuatu yang boleh dianggap remeh, sebaliknya, ia adalah harta yang paling berharga yang diberikan kepada kita.

Dalam kehidupan yang begitu sibuk dengan rutin harian, kita sering lupa untuk menghargai kesihatan yang Allah berikan kepada kita. Ketika kesihatan kita terjejas atau mengalami penyakit, barulah kita sedar akan betapa pentingnya kesihatan dalam kehidupan sehari-hari. Kita mungkin terlalu sibuk

mengejar kejayaan, kekayaan atau cita-cita tanpa mengambil kira keadaan kesihatan kita.

Kita perlu memahami bahawa kesihatan bukanlah sesuatu yang boleh dijamin kekal sepanjang hayat. Kita seharusnya bersyukur setiap hari kerana masih diberi kesempatan untuk menikmati kehidupan dengan kesihatan yang baik. Menjaga kesihatan bukanlah hanya tentang mengelakkan penyakit, tetapi juga tentang usaha untuk menjaga keseimbangan tubuh, minda dan rohani.

Ketika kita bersyukur atas nikmat kesihatan, kita akan lebih berusaha untuk merawatnya. Makanan yang sihat, senaman yang mencukupi, rehat

yang secukupnya, dan kestabilan emosi adalah antara faktor-faktor penting dalam memelihara kesihatan. Bersyukur atas kesihatan juga bermakna kita menghargai setiap detik kehidupan yang diberikan untuk menjalani pengalaman yang bermakna di dunia ini.

Kita juga seharusnya tidak melupakan mereka yang kurang bernasib baik dalam hal kesihatan. Mereka yang sedang berjuang melawan penyakit atau kecaccatan mungkin mengingatkan kita bahawa kesihatan adalah sesuatu yang patut disyukuri setiap saat. Kita boleh memberi sokongan, kasih sayang, dan bantuan kepada mereka sebagai tanda penghargaan kita terhadap nikmat

kesihatan yang dimiliki.

Dalam kesimpulannya, kesihatan adalah anugerah yang harus disyukuri setiap hari. Kita harus mengambil perhatian terhadapnya, merawat tubuh kita dengan baik, dan mensyukurnya dengan tulus. Dengan bersyukur atas kesihatan, kita tidak hanya memelihara tubuh fizikal tetapi juga menumbuhkan kesejahteraan emosi dan rohani. Ingatlah, nikmat kesihatan adalah sesuatu yang paling berharga, oleh itu hargailah setiap detiknya.

Nama : Norfadzelah binti Haji Ahmad
NO. K/P : 01-031XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- ‘Mengukuhkan Semangat Patriotisme’. Tarikh Tutup : 7 Februari 2024
- ‘Lakukan Perubahan Dalam Mencegah, Merawat Kanser’. Tarikh Tutup : 14 Februari 2024
- ‘Lindungi Hidupan Liar Kitani’. Tarikh Tutup : 21 Februari 2024

Terma dan Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MENDEKATI MASYARAKAT MELALUI PROGRAM SUA MUKA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SENGKURONG, Selasa, 6 Februari. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa dan dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklumat balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Peneriban dan Komunikasi Strategik mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Sengkurong 'A' dan Kampung Sengkurong 'B', Mukim Sengkurong bertempat di Pejabat Penghulu dan Ketua-ketua Kampung Mukim Sengkurong, hari ini.

Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan,

Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya yang disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Turut hadir menyampaikan maklumat terkini kepada penduduk-penduduk kampung berkenaan ialah pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Ketua rombongan dalam mukadimah beliau telah menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa juu maklumat, dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui

beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Program Sua Muka ini jelas beliau adalah salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersempena yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Penghulu Mukim Sengkurong selaku Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'A', Dr. Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman dalam ucapan balas beliau menyambut baik kerja keras Jabatan Penerangan dalam menyampaikan permasalahan penduduk kampung kepada agensi-agensi berkaitan dan beliau berharap agar program sebegini perlu diteruskan lagi pada masa akan datang.

Sementara itu, Pemangku Ketua Kampung Sengkurong



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa berucap pada Program Sua Muka tersebut.

'B', Awang Abdul Razak bin Haji Ismail menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan bagi mengemukakan isu dan permasalahan yang dihadapi penduduk kampung untuk diambil perhatian oleh agensi-agensi berkaitan.

Menurut beliau, program ini amat mustahak dalam mengungkayahkan

penyelesaian terhadap isu-isu yang dikemukakan sebelumnya yang telah dirancang oleh agensi-agensi berkaitan.

Program Sua Muka diakhiri dengan sesi dialog mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk kampung yang antara lain berkaitan dengan keselamatan, prasarana, perekonomian, kemudahan awam dan isu kebajikan.



SEKITAR Program Sua Muka bagi Kampung Sengkurong 'A' dan Kampung Sengkurong 'B', Mukim Mukim Sengkurong (atas). Sementara gambar kanan, semasa sesi bergambar ramai.

HALUAN

Pembentukan BDNHLS berdasarkan Peraturan Kesihatan Antarabangsa

>> Muka 2

Jawatankuasa Pandu BDNHLS (BDNHLS-C) ini pula akan didukung oleh Kumpulan Kerja Teknikal Makmal Kebangsaan (National Laboratory Technical Working Group - NLTWG) yang dipengerusikan bersama oleh Ketua-ketua Jabatan Perkhidmatan Makmal dan Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan; Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Jabatan

Perikanan, KSSUP, serta ahli-ahli sekretariat dan kumpulan kerja bagi kategori Pendaftaran dan Perlesenan, Kualiti dan Pematuhan, Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Persekutuan (HSSE) dan Penyelidikan dan Perkembangan.

Dengan pelantikan Jawatankuasa BDNHLS-C dan NLTWG ini, saya ingin mengingatkan, adalah amat penting bagi semua ahli-ahli, untuk

melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing, untuk mempunyai keyakinan dan *mindset* yang positif, semangat *teamwork* dan komitmen yang tinggi, kesepadan, pensemjajaran serta kerjasama yang erat demi mencapai matlamat yang dirancang dengan berkonsepkan Whole of Nation Approach daripada semua pihak, untuk memberi impak kepada kesihatan manusia,

haiwan dan tumbuhan dengan mengutamakan kecemerlangan, kepuasan pelanggan yang lengkap dan peningkatan kualiti yang berterusan; agar kita dapat menghasilkan kejayaan yang dihasratkan demi kemajuan dan demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Akhir sekali, saya selaku tetamu kehormat bersama, dengan tulus ikhlas, sukacita ingin merakamkan setinggi-tinggi

penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat, yang mana telah banyak meluangkan masa, tenaga, buah fikiran dan usaha berterusan dan tidak henti-henti dalam memastikan pembentukan BDNHLS tercapai dan juga menjayakan penyediaan dan penerbitan buku BDNHLS.

Sekian.

Wabillahit Taufik Walhidayah,
Wassalamu 'Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

PENTING

BARU

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

!

TIDAK DIPERAKURAN

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemasuki pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemasuki ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Perikanan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0064 / 2023

Tajuk Sebut Harga:
"Daily General Cleaning Services
At Headquarters,
Department Of Fisheries For The
Period Of Twelve (12) Months"

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0065 / 2023

Tajuk Sebut Harga:
"Kerja-Kerja Perkhidmatan
Pembuangan
Dan Pengangkutan Sampah Untuk
Tempoh Selama
Dua Belas (12) Bulan Bagi Jabatan
Perikanan"

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0066 / 2023

Tajuk Sebut Harga:
"Operate And Maintenance
Services Of Raw Sea Water Pump
System At Keramut
Telai Tutong Station, Department
Of Fisheries For Period Of Twelve
(12) Months"

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0067 / 2023



KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran :
KK / 01 / 2024 /
ESTETRIPASH(TC)

Keterangan :
Term Contract For Building
Maintenance Works At
Child Development Centre And
Other Off-Site Location For A
Period Of Three (3) Years

**Kelayakan Pembekal /
Pemborong:**
Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan atau Kementerian
Pembangunan

Kelas :
II ke atas

Kategori:
B01 dan KA01

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 24 / 2024 /
ESTETRIPASH(TC)

Keterangan :



Term Contract For Waterproofing At
Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha Hospital A Period Of
Three(3) Years

**Kelayakan Pembekal /
Pemborong:**
Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan atau Kementerian
Pembangunan

Kelas:
II ke atas

Kategori:
KPB02

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 25 / 2024 /
ESTETRIPASH(TC)

Keterangan :
Term Contract For Building
Maintenance Works At Raja Isteri



KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Jabatan Daerah Temburong

Bilangan Sebut Harga:
JDT / S / 53 / 2023 - 2024

Nama Sebut Harga:
"Sebut harga Bagi Menyediakan,
Menyewakan Khemah
Serta Pengurusan Dan
Pengendalian Gerai Ramadan
Tahun 2024"

Bayaran Yuran Sebut Harga :

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :

Sabtu,
14 Syaaban 1445 bersamaan
24 Februari 2024.



KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Jabatan Daerah Belait

**Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri**

Bilangan Tawaran:

DB / BMP / 5.1 / O

Tawaran Bagi Ruang Kedai No. 1,
Dewan Kemasyarakatan Kampung
Pandan Kuala Belait
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
5 Mac 2024,
jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Jabatan Penjara
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
JPB / 01 / 2024

Keterangan :
Membekalkan Catuan Makanan
Bagi
Penjara Wanita Jerudong
(Bagi Tempoh 2 Tahun)

Yuran Tawaran :
BND 30.00

Tarikh Tutup Dan Waktu :
Selasa,
27 Februari 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.




KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri

Bilangan Tawaran :

Q.JDT / 28 / 2023



Tajuk Tawaran :
Maintenance Of Two (2) Unit
Of 'Sigma' Lift At Tutong District
Office Building, Negara Brunei
Darussalam For A Period Of
Twenty-Four (24) Months
(01.05.2024 – 30.04.2026)

Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :

Isnin,



19 Februari 2024
jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
KK / 28 / 2024 / UPP

Keterangan :
Supply, Deliver, Installation, Testing
And Commissioning One (1) Unit
Of Plethysmography Machine For
Division Of Respiratory Medicine
(DORM) Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha Hospital


Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 29 / 2024 / UPP

Keterangan :
To Purchase Two (2) Units Of
Choledochovideoscope For
General Surgery, Operating
Theatre At Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran :
BND10.00

Tarikh Tutup :
20 Februari 2024
(Tidak Lewat Jam 2.00 Petang)




Bilangan Tawaran :
KK / 26 / 2024 / ESTETRIPASH

Keterangan :

Term Contract For The Provision
Of Manpower For Monitoring
Services At Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha Hospital A Period Of
One (1) Year

**Kelayakan Pembekal /
Pemborong:**
Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan atau Kementerian
Pembangunan



Kelas:
II ke atas

Kategori:

B01 dan KA01

Yuran Tawaran :
BND30.00

Kategori:

Term Contract For Comprehensive
Maintenance Of Lifts And
Dumbwaiters At Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha Hospital A
Period Of Three (3) Years

**Kelayakan Pembekal /
Pemborong:**

Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan atau Kementerian
Pembangunan

Kelas:
II ke atas

Kategori:

KPMEO2

Yuran Tawaran :
BND50.00

Keterangan :
Term Contract For Building
Maintenance Works At Raja Isteri



Tawaran:
JPH / 1104-005 / TAW379 /
2024-2025
Menaik taraf Kemudahan-
Kemudahan Di Taman
Rekreasi Hutan Pulau
Selirong Fasa 1
(Jetty & Walkway)

Tawaran: Dibukakan Kepada



Tawaran:
JPH / 1104-005 / TAW381 / 2024
2025

Menaik Taraf Kemudahan-
Kemudahan Di Taman Rekreasi
Hutan Pulau Selirong Fasa 1
(Tandas Awam, Pondok Rehat &

Penender-Penender Yang
Berdaftar Di Kementerian
Pembangunan Dalam
Kelas III Keatas Dan Sub-
Kategori KA01 Kerja – Kerja
Am Kejuruteraan Awam
Dan KPB-11- Pembaikan
Kerosakan Struktur Binaan /
Pengukuhan Struktur Binaan

Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika Belum Berdaftar):
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:



BND55.00

-Tidak dikembalikan-

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
20 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang.

Guard Post)

Tawaran : Dibukakan kepada
penender-penender yang berdaftar
di Kementerian Pembangunan
dalam **Kelas III Keatas dan Sub-**
Kategori KA01 Kerja - Kerja Am
Kejuruteraan Awam dan KPB11
- Pembaikan kerosakan Struktur
binaan / pengukuhan struktur
binaan

Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika Belum Berdaftar):
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00



Yuran Tawaran:

BND55.00

-Tidak Dikembalikan-

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Februari 2024.
Jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III

Kategori :
KA01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :

Selasa,
20 Februari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
5 Mac 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 04 / CQS / 2024 – T
/ II

Nama Projek :

Kerja-Kerja Pembaikan Tanah
Susur Di Kawasan Hospital Raja
Isteri Pengiran Anak Saleha

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
OPEN

Kategori :
KPB11A Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil

Dokumen Tawaran :

Selasa,
27 Februari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
12 Mac 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 05 / STE / 2024 – T / II

Nama Projek :

kerja-kerja membaik pulih struktur
pada jambatan masjid omar ali
saifuddien

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II / III sahaja

Kategori :
KA01 sahaja

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 009 / 2024

Tajuk:
Kontrak Penggal Untuk
Penyelenggaraan Injap Altitud
Dan Penyelenggaraan Am Di
Tangki-Tangki Air Utama
Daerah Brunei Muara dan Tutong

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :

Selasa,
20 Februari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :



Selasa,
5 Mac 2024,
Tidak lewat jam
2.00 Petang.



Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV sahaja

Kategori :
KA01 (Kod Baharu)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :

Selasa, 20 Februari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 Mac 2024,



Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 003 / 2024

Nama Projek :
Menaik Taraf Jalan Biadong,
Mukim Sukang Belait.

No. Projek :
2023ADKB / KEW-08

Yuran Tawaran :
BND100.00



Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V & IV sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran :

7 Februari 2024.

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :

Tidak lewat Selasa,
27 Februari 2024,
jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
5 Mac 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 04 / 2024

Nama Projek:
Pengurusan Pemeliharaan



Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV sahaja

Kategori :
KA01 (Kod Baharu)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :

Selasa, 20 Februari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 Mac 2024,





JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II (II & III) Sahaja

Kategori :

KA01 Sahaja – Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
20 Februari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 Mac 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 001 / 2024 – (CDE).T.II

Nama Projek:
Mendalami Dan Melebarkan Aliran
Masuk Sungai



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2024 /
DITU / TA / 03

Pembelian Lesen "Solarwinds
Network Monitoring Solution"

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Sedia Ada Di Pangkalan
Sibabau 1, Kg. Mentiri



MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005

Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah

Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam

Saman No. :
BM / MTS / MAL-C / P004B / 0703
/ 04-2023

Antara

Abu Bakar bin Haji A.M.Salleh
- Plaintiff / Pemohon

Dan

Hjh Dayang Damit binti Mohd
Yusof
- Defendant / Respondent

Kepada : Hjh Dayang Damit binti
Mohd Yusof, No. Kad Pintar :
00-118715 (Kuning), Beralamat
(Alamat Terakhir) : No. 7, LOT
5065, Spg. 115, Jalan Maulana,
Kuala Belait KA1931, Negara
Brunei Darussalam.



JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
JMK / BJS / A / 2024-2025 / 002

Per : Tawaran Bagi Kerja-Kerja
Membersihkan Kawasan Luar
Dan Dalam Bangunan Darulifta

Brunei Darussalam, Jabatan
Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana
Menteri, Simpang 26, Jalan
Pengiran Babu Raja,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam (Blok
Pentadbiran Dan Perpustakaan
Islam Brunei Darussalam) Bagi
Tempoh
Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
17 Syaaban 1445H /
27 Februari 2024M.



tidak lewat dari jam
2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV & V sahaja

Kategori :
KA01 & M03 sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 007 / 2024

Tajuk:
Kontrak Penggal Untuk 4 Tahun
Bagi Kerja-Kerja
Operasi Dan Pemeliharaan Loji
Rawatan Air Layong

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
20 Februari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 Mac 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II / III / IV sahaja

Kategori :
P02 sahaja

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 008 / 2024

Tajuk:
Pembekalan Dan Penghantaran
Bahan Kimia Kepada Semua
Makmal Loji Rawatan Air Dan
Makmal Air Tasek Di Bawah
Jabatan Perkhidmatan Air,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
20 Februari 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 Mac 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II / III sahaja

Kategori :
KA01 sahaja

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 009 / 2024

Tajuk:
Kontrak Penggal Untuk
Penyelenggaraan Injap Altitud
Dan Penyelenggaraan Am Di
Tangki-Tangki Air Utama
Daerah Brunei Muara dan Tutong

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
20 Februari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
5 Mac 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

JPH
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Tawaran:
JPH / 1102-003 / TAW / 377 /
2023-2024

High Conservation Value (HCV)
Assessment In Labi Hill Forest
Reserve

Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):

BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:

BND35.00
-Tidak dikembalikan-

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Februari 2024,
Jam 12.00 Tengah Hari.



Bertarikh :

20 Rejab 1445H / 1 Februari
2024M

Meterai

Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam

DARe, BANK USAHAWAN BRUNEI BEKERJASAMA PUPUK PERTUMBUHAN, PEMBANGUNAN PKS

Siaran Akhbar dan Foto : Darussalam Enterprise

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (Brunei Economic Development Board-BEDB) melalui Darussalam Enterprise (DARe) dan Bank Usahawan Brunei berjaya menganjurkan acara *insightful* pada 31 Januari 2024 di Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi, Anggerek Desa.

Acara berkenaan menandakan permulaan siri sesi kerjasama yang bertujuan untuk memupuk pertumbuhan dan pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS) di Negara Brunei Darussalam.

BEDB dan Bank Usahawan Brunei berkongsi matlamat yang sama untuk menyokong PKS tempatan.

Menyedari akan objektif berkenaan, kedua-dua organisasi tersebut memulakan perkongsian strategik untuk memenuhi keperluan PKS di NBD dengan lebih baik.

Bank Usahawan Brunei yang merupakan pakar dalam menyediakan penyelesaian pembiayaan untuk PKS, manakala DARe pula memberi tumpuan kepada memudahkan pertumbuhan dan pembangunan PKS.

Acara berkenaan dimulakan

dengan Bank Usahawan Brunei menyampaikan penerangan menyeluruh tentang pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang disesuaikan untuk membantu PKS dalam meneroka pilihan pembiayaan bagi perniagaan mereka.

Pada sesi seterusnya pula menampilkan sesi perbincangan bersama para hadirin dengan membincangkan perniagaan mereka dan menentukan kelayakan mereka untuk pembiayaan.

Bagi mereka yang tidak layak pada masa ini, nasihat berharga turut diberikan kepada bagi membantu mereka untuk mendapatkan pembiayaan pada masa hadapan.

"Ini perkongsian bagi menunjukkan komitmen kami untuk menyediakan sokongan holistik kepada PKS tempatan."

"Dengan menggabungkan kerjasama antara Bank Usahawan Brunei dan DARe, kami berhasrat mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk PKS bagi berkembang maju dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi bagi NBD," jelas Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB dan DARe, Daniel Leong.

Sebagai sebahagian daripada usaha kerjasama, Bank Usahawan



LEMBAGA Kemajuan Ekonomi Brunei (Brunei Economic Development Board-BEDB) melalui Darussalam Enterprise (DARe) dan Bank Usahawan Brunei berjaya menganjurkan acara *insightful* pada 31 Januari 2024.

Brunei akan secara aktif merujuk penerima pembiayaan mereka untuk menyertai pelbagai program yang ditawarkan oleh DARe.

Pendekatan sinergistik berkenaan adalah bagi memastikan bahawa PKS bukan sahaja mempunyai akses kepada sokongan kewangan tetapi juga mendapat manfaat dari DARe bagi

inisiatif pembangunan.

Acara berkenaan menyaksikan penyertaan aktif daripada 17 perniagaan tempatan yang bersemangat untuk meneroka peluang pertumbuhan.

Perkongsian antara BEDB dan Bank Usahawan Brunei berkenaan menandakan satu lagi langkah ke hadapan yang penting dalam

mewujudkan ekosistem yang menyokong PKS di NBD.

BEDB dan Bank Usahawan Brunei sentiasa meneruskan usaha kerjasama dalam menganjurkan lebih banyak sesi untuk memperkasa usahawan tempatan bagi menyumbang kepada kerancakan ekonomi negara.

Penyertaan Pertandingan Tarannum Al-Quran kini dibukakan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Infografik : Ihsan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan

KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERTANDINGAN TARANNUM AL-QURAN

bagi Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara Tahun 2024/1445

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN SABTU, 02 MAC 2024

JAM 4.00 PETANG

SILA IMBAS KOD QR UNTUK KETERANGAN LANJUT DAN LAYARI PAUTAN UNTUK BORANG PENYERTAAN

bitly/3BorangTarannumAlQuran24

Drg Hjh Dangsyukrinah binti Hj Othman Pegawai Penyelaras +6738875636

Info.DCCE@moe.gov.bn Department of Co-Curricular Education Brunei +673 233 3041/43/53/54 FAX +673 233 2976 / 77 moe.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Bahagian Kegiatan Kerohanian akan mengendalikan Pertandingan Tarannum Al-Quran bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab senegara.

Tujuan pertandingan berkenaan adalah untuk membudayakan bacaan Al-Quran secara bertarannum dalam kalangan pelajar sekolah menengah agar mereka dapat mempelajari, memahami dan menghayati pengajaran yang terkandung di dalam Al-Quran.

Sementara objektifnya adalah para pelajar akan dapat meningkatkan mutu bacaan Al-Quran dengan lebih lancar dan sempurna, selain mendorong lebih ramai pelajar untuk memahirkan diri dalam kesenian Tarannum Al-Quran secara berperingkat serta menggalakkan lebih ramai pelajar untuk menyertai kegiatan bercorak keagamaan dalam usaha untuk mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Pertandingan berkenaan terbuka kepada sekolah-sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam dan setiap sekolah dibenarkan untuk menghantar maksima dua pasukan dengan keramaian peserta tiga orang

www.mkkjr.gov.bn

dalam kalangan pelajar lelaki atau perempuan berserta seorang guru pembimbing.

Sementara, sebarang pertukaran ahli pasukan setelah peringkat saringan adalah tidak dibenarkan.

Kaedah bacaan yang digunakan pada Pertandingan Tarannum Al-Quran berkenaan (secara berkumpulan) hendaklah dibaca secara mujawwad mengikut riwayat Hafs daripada Imam 'Asim Thariq Imam Asy-Syatibi.

Penghakiman Tarannum Al-Quran berkenaan akan dinilai daripada beberapa aspek seperti tajwid, lagu, fasahah dan suara.

Jika terdapat persamaan markah, maka dirujuk kepada markah tertinggi daripada aspek tajwid akan diambil kira kemudian lagu, fasahah dan suara.

Tarikh tutup pendaftaran bagi pertandingan berkenaan adalah pada Sabtu, 2 Mac 2024, jam 4.00 petang.

JIPK TERUS GIAT LAKSANAKAN OPERASI PENGUAT KUASA UNDANG-UNDANG



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan tiga operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 yang menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam.

Operasi Kabat 15 / 2024 dan Operasi Kabat 16 / 2024 telah pun dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan. Manakala Operasi Kabat 17 / 2024 dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Cawangan Kuala Belait.



JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) semasa melaksanakan tiga operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 (atas kiri, atas kanan dan kiri).

Sebuah bengkel kereta yang terletak di Mukim Kilanas menjadi sasaran utama dalam Operasi Kabat 15 / 2024. Dalam operasi berkenaan, pemeriksaan telah dibuat ke atas lima warga asing yang mana empat orang daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengkuatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Manakala Operasi Kabat 16/2024 pula menyasarkan di Tapak Projek

di Mukim Gadong 'A'. Pemeriksaan telah dijalankan ke atas 161 warga asing dan enam daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengkuatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen yang sah.

Sementara itu, Operasi Kabat 17 / 24 pula telah menyasarkan di Mukim Liang di mana pemeriksaan dijalankan ke atas seorang warga asing yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengkuatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut atas dua kesalahan iaitu di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen Penggal 17 kerana tinggal lebih masa setelah Pas Imigresen mansuh dan di bawah Bab 55(4)(a)(b)(c), Akta Imigresen Penggal 17 kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen perjalanan yang sah.

Selain itu, JIPK turut mengongsikan satu pendakwaan yang telah dijalankan di bawah

Acta Imigresen, Penggal 17. Haris Uddin, lelaki berumur 46 tahun, warganegara Bangladesh, telah pun dijatuhi hukuman penjar selama lima bulan dan tiga kali sebatan bagi kesalahan di bawah Bab 15 (1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa setelah pas imigresen mansuh dan pekerja berkenaan juga tersenarai dalam laporan pekerja yang lari daripada majikan.

Pendakwaan telah pun dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan iaitu Mohammad Zul Azri bin Ranee dan dibuat di hadapan Majistret Nur Eleana binti Datu Paduka Haji Hairul Arni.

Bagi sebarang maklumat berhubung dengan pesalah imigresen, JIPK mengalu-alukan orang ramai untuk menghubungi talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



ALAI PINTAR
SOALAN 7 FEBRUARI 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

1. Halim ____ rupa ____ seorang pelajar yang bijak. Apa imbuhan yang sesuai untuk ayat ini?
 a) be-kan
 b) me-i
 c) me-kan
2. Gajah lebih ____ daripada tikus.
 a) besar
 b) kecil
 c) sederhana
3. Sarah mempunyai wang sebanyak BND100. Dia memberi BND25 kepada anaknya Aminah dan membeli 1 buah buku dengan harga BND20. Berapakah baki wangnya?
 a) BND55
 b) BND90
 c) BND100

TARIKH TUTUP: 17 FEBRUARI 2024

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

SOALAN 118

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
 2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
 3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8300836** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
 4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap
- Nama :
 Tarikh Lahir :
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
 Sekolah :
 Tahun :
 Alamat :
 Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

PEMENANG ALAI PINTAR 117

Nama: Nabilah Zahirah Neqmatul Hikmah binti Hj. Zainuddin
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan: 0134482. Sekolah: Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Nama: Muhamad Hafizuddin Syaddad bin Hussaini
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan: 0111671-01. Sekolah: Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49

Nama: Ak. Mohd. Harraz Baufal bin Pg. Mohd. Hamdi
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan: 0141646-01. Sekolah: Sekolah Rendah Rimba III

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 117

1. A – imam
2. A – muka
3. A – 3,700 setem

MIB LAMBANG IDENTITI ORANG BRUNEI

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin



BELIA perlu memahami bahawa nilai-nilai MIB bukan sekadar dalam aspek sejarah tetapi merangkumi cara hidup dan pandangan dunia yang diterjemahkan dalam kehidupan harian (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) adalah konsep Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menggabungkan unsur-unsur Melayu, Islam dan sistem beraja.

Ia menekankan tentang kestabilan politik, agama Islam, dan kebudayaan Melayu sebagai elemen utama dalam identiti Brunei.

MIB juga menitikberatkan dalam perpaduan antara agama

dan pemerintahan beraja untuk memastikan pembangunan dan kemakmuran negara.

Dalam hal berkenaan, adalah amat penting bagi golongan belia di NBD melengkapkan diri mereka dan seterusnya menghayati falsafah MIB agar identiti kebruneian dalam kalangan penduduk negara ini tidak luput ditelan zaman.

Ini adalah kerana belia merupakan aset negara yang paling berharga sekali gus pemimpin pada masa akan datang yang jelas akan mencerminkan budaya dan identiti sesebuah negara.

Belia perlu memahami bahawa nilai-nilai MIB bukan sekadar dalam aspek sejarah tetapi merangkumi cara hidup dan pandangan dunia yang diterjemahkan dalam kehidupan harian.

Pertama, kesedaran terhadap kebudayaan Melayu perlu diterapkan, melibatkan pemahaman dan penerimaan terhadap nilai-nilai adat dan bahasa yang menjadi sebahagian daripada identiti MIB.

Kedua, pemahaman mendalam terhadap ajaran Islam perlu diteruskan, dengan mengamalkan

nilai-nilai keadilan, kasih sayang, dan integriti.

Oleh itu, belia perlu memahami peranan Islam dalam membimbing kehidupan mereka dan masyarakat secara menyeluruh.

Ketiga, kefahaman terhadap sistem beraja membantu membina kesedaran terhadap konsep kepimpinan yang berlandaskan nilai-nilai keadilan dan kebijakan rakyat.

Belia perlu melibatkan diri

dalam pembangunan negara dengan semangat kebangsaan dan tanggungjawab terhadap masa depan.

Secara keseluruhan, untuk menghayati nilai-nilai MIB, belia perlu melibatkan diri dalam pendidikan yang menyeluruh, mempraktikkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan sehari-hari, dan berkontribusi aktif dalam pembangunan negara beraja seperti NBD.

Dikehendaki untuk bantu siasatan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai bagi mengesan seorang lelaki warga tempatan, Pengiran Mohamad Indera Shahrin bin Pengiran Md. Said, Nombor Kad Pengenalan 00-286092 (K) yang dikehendaki untuk membantu siasatan Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak.

Menurut Siaran Akhbar PPDB, orang ramai bolehlah berhubung terus ke Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 490 / 333 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



PENGIRAN Mohamad Indera Shahrin bin Pengiran Md. Said, Nombor Kad Pengenalan 00-286092 (K).

21 syarikat pelancongan dibenarkan kendali Pakej Umrah

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JUH) memaklumkan mengenai jumlah terkini syarikat pelancongan yang diberi kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi tahun 2024 Masihi, iaitu sebanyak 21 buah syarikat.

Syarikat-syarikat berkenaan, iaitu Darussalam Services Sdn. Bhd.; Straits Central Agencies Sdn. Bhd.; Raudah Al-Amin Sdn. Bhd.; Continental Yachting Sdn. Bhd.; Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd.; Titian Travel and Tours Sdn. Bhd.; Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Abraj Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Baraka Travel Services Sdn. Bhd.; Aleiya Voyages Sdn. Bhd.; Al-Hajat Tours and Travels Agency Sdn. Bhd.; Al-Haramain Bil Iman Travel and Tours Sdn. Bhd.; A Safa Travel and Tours Sdn. Bhd.; Balurih Travel Sdn. Bhd.; Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd.; JB Travel Agencies Sdn. Bhd.; Lamisa International Tours and Travels Sdn. Bhd.; Mustaqim Travel and Tours Sdn. Bhd.; PGGMB Travel Services Sdn.

Bhd.; dan Qamaroon Tours Sdn. Bhd.

Daripada jumlah 21 buah syarikat yang dinyatakan, hanya lapan sahaja yang dibenarkan untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah (Visa Umrah dan Visa Pelancong Arab Saudi) bagi tahun 1443 Hijrah hingga 1445 Hijrah.

Syarikat-syarikat berkenaan, iaitu Darussalam Services Sdn. Bhd.; Straits Central Agencies Sdn. Bhd.; Raudah Al-Amin Sdn. Bhd.; Continental Yachting Sdn. Bhd.; Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd.; Titian Travel and Tours Sdn. Bhd.; Dar El-Ehsan Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Abraj Travel and Tours Sdn. Bhd.; Al-Baraka Travel Services Sdn. Bhd.; Aleiya Voyages Sdn. Bhd.; Al-Hajat Tours and Travels Agency Sdn. Bhd.; Al-Haramain Bil Iman Travel and Tours Sdn. Bhd.; A Safa Travel and Tours Sdn. Bhd.; Balurih Travel Sdn. Bhd.; Humaira Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd.; JB Travel Agencies Sdn. Bhd.; Lamisa International Tours and Travels Sdn. Bhd.; Mustaqim Travel and Tours Sdn. Bhd.; PGGMB Travel Services Sdn.

Senarai syarikat-syarikat berkenaan juga boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi KHEU di www.mora.gov.bn atau berhubung terus ke JUH menerusi talian +673 2384478 atau e-mel juh.kheu@mora.gov.bn.

Orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadat haji atau umrah bolehlah berhubung terus dengan syarikat-syarikat yang dibenarkan untuk mengendalikan perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah (Visa Umrah dan Visa Pelancong Arab Saudi).

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurus dengan mereka.

PELUANG PEROLEH MAKLUMAT PENGAJIAN TINGGI



JERUDONG, Isnin, 5 Februari. - Ekspos Pengajian Tinggi (EPT) Ke-9, Tahun 2024 Kementerian Pendidikan yang berlangsung di Dewan 2, BRIDEX Jerudong berjaya menerima sekitar 12,000 pengunjung selama dua hari ia berlangsung.

EPT anjuran Jabatan Pengajian Tinggi, Jabatan Pengurusan Biasiswa dan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan berkenaan menyediakan Pusat Informasi Sehenti (One Stop Information Centre) Pengajian Tinggi dengan penyertaan institusi-institusi daripada pengajian pasca menengah, pengajian tinggi awam dan swasta serta agensi-agensi sektor pendidikan dalam negeri memberikan prospek pengajian pasca menengah dan pengajian tinggi yang terdapat di dalam negara dan antarabangsa.

Ia dibuka bagi kunjungan orang awam, khususnya pelajar lepasan menengah (lepasan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level) dan pra-universiti (Brunei-Cambridge GCE 'A' Level) atau yang berkelulusan sebanding dengannya yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi termasuk mereka yang ingin mengembangkan kemahiran secara *upskilling* (meningkatkan kemahiran yang ada) dan *reskilling*

(mempelajari kemahiran baru yang lain).

Manakala, institusi-institusi yang ikut serta pula mengongsikan program-program yang ditawarkan antaranya National Technical Education Certificate (NTec); Higher National Technical Education Certificate (HNTec); Diploma; Ijazah Sarjana Muda; Ijazah Sarjana; sehingga program Ijazah Kedoktoran.

Orang ramai khususnya pelajar berpeluang untuk bersempena dengan pihak Institusi-Institusi Pengajian Tinggi (IIPT) serta agensi-agensi sektor pendidikan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Sekitar 50 pemamer yang terdiri daripada jabatan-jabatan dari Kementerian Pendidikan, IIPT tempatan dan luar negara, serta kedutaan-kedutaan dan juga agensi-agensi yang berkaitan menyertai ekspos berkenaan.

Salah seorang pengunjung yang ditemui, Dayang Siti Syahirah Nabilah binti Abdul Malik, 18 tahun, menjelaskan, ekspos berkenaan memudahkan orang ramai khususnya para pelajar untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi melanjutkan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Menurut Dayang Siti Syahirah

AWANG Muhammad Haikal Mikhail bin Aswandi dan Awang Muhammad Hanis Hibatullah bin Mohd. Hatta semasa ditemu bual.

Nabilah yang merupakan lepasan Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah (SMALHB), beliau juga menyatakan ingin meneruskan pengajiannya ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dalam bidang Usuluddin (Tafsir dan Hadith) untuk mendalami lagi mengenai tafsir Al-Quran dan Hadis.

Melalui ekspos berkenaan tambahnya, beliau memperoleh banyak maklumat daripada pihak universiti dan penerangan yang dikongsikan juga banyak membantunya untuk mengetahui dengan lebih jelas mengenai bidang yang ingin dipelajari.

Sementara itu, Awang Muhammad Haikal Mikhail bin Aswandi, penuntut Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE) Kampus Sultan Bolkiah dan rakan beliau, Awang Muhammad Hanis Hibatullah bin Mohd. Hatta, lepasan 'A' Level dari Pusat Tingkatan Enam Belait, turut hadir ke ekspos berkenaan bagi mendapatkan seberapa banyak maklumat daripada pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat merancang hala tuju untuk meningkatkan pengajian mereka seterusnya.

Menurut Awang Muhammad Haikal Mikhail, beliau sememangnya mempunyai matlamat untuk mendapatkan biasiswa melanjutkan pengajian selepas tamat dari kampus IBTE nanti.

"Pelbagai maklumat dan perincian diperoleh semasa ekspos berkenaan dan inilah masanya kami mengetahui dan mengambil bermacam-macam maklumat dan bidang-bidang yang ditawarkan oleh institusi-institusi dan universiti-universiti dalam dan luar negara."

"Dengan adanya ekspos ini, kami lebih mudah memilih dan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Azmah Haji Ahad

bertanya terus kepada pihak-pihak yang berkenaan," ujarnya yang kini sedang mengambil jurusan HNTec Kejuruteraan Mekanikal dan berhasrat untuk melanjutkan pengajiannya ke luar negara satu hari nanti.

Manakala bagi Awang Muhammad Hanis Hibatullah yang lebih cenderung memilih bidang seni reka kreatif (ART) berhasrat untuk melanjutkan pengajiannya ke Universiti Brunei Darussalam.

"Memandangkan industri seni reka belum cukup terdedah di negara ini, justeru saya masih lagi mencari maklumat yang diperlukan.

"Melalui ekspos ini, ia banyak membantu kami mendapatkan banyak maklumat dan mendengarkan penerangan yang membuka minda saya termasuk kelayakan-kelayakan yang diperlukan dan sebagainya," tambahnya.

Sementara itu, Penolong Profesor Fakulti Syariah, UNISSA, Dr. Dayang Hajah Nurzakiah binti Haji Ramlee yang juga Timbalan Pengarah Pusat Pengajaran Siswazah UNISSA ketika ditemui turut mengongsikan program-program yang ditawarkan oleh UNISSA daripada lapan fakulti dan dua pusat akademik.

Antara program yang ditawarkan bagi program prasiswazah dan siswazah termasuk Sarjana Muda Syariah, Sarjana Muda Bahasa Arab

dan Terjemahan, Sarjana Muda Kewangan Islam, Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, Sarjana Muda Sejarah dan Tamadun Islam, Sarjana Muda Sains Halal, Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan, Sarjana Muda Sains Pertanian dan Diploma Tertinggi Kebangsaan dalam Sistem Keadilan Jenayah Syariah.

Beliau turut mengingatkan para pemohon untuk menyemak dengan teliti syarat-syarat kemasukan yang ditetapkan oleh setiap fakulti dan pusat serta mengisi borang dengan lengkap serta mengimbas sijil-sijil mereka sebelum dihantar ke pihak universiti.

Di UNISSA jelasnya, program-program yang ditawarkan bukan sahaja mencakupi bidang ugama malah turut meliputi bidang kemahiran seperti teknologi, pertanian, sains dan sebagainya.

"Pihak UNISSA tidak menetapkan had keramaian pelajar yang ingin memasuki UNISSA, namun apa yang penting ialah pemohon hendaklah memenuhi kriteria permohonan yang ditetapkan bagi kedua-dua program (prasiswazah dan siswazah) berkenaan," ujarnya.

EPT pada kali ini juga turut mengadakan sesi webinar secara dalam talian, untuk penjelasan pelbagai topik berkaitan peluang dan proses bagi akses ke pasca menengah dan pengajian tinggi.



DAYANG Siti Syahirah Nabilah binti Abdul Malik dan Penolong Profesor Fakulti Syariah, UNISSA, Dr. Dayang Hajah Nurzakiah binti Haji Ramlee yang juga Timbalan Pengarah Pusat Pengajaran Siswazah UNISSA (kiri dan kanan).

Manfaatkan kehidupan di dunia dalam meraih kebahagiaan akhirat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Dunia merupakan tempat persinggahan namun tidak ramai dalam kalangan kita yang menyedari akan hakikat berkenaan dan disebabkan itulah mereka mudah menjadi mangsa dengan tipu daya kehidupan dunia yang penuh permainan, hiburan dan perhiasan sehingga ada dalam kalangan mereka yang sanggup berlumbalumba untuk mencapai kesenangan dunia dibandingkan akhirat seolah-olah mereka akan hidup di dunia untuk selama-lamanya.

Cintakan dunia itu juga memberi impak yang sangat buruk terhadap manusia kerana ia mampu melalaikan kita daripada menjalankan tanggungjawab dan peranan kita seperti yang dikehendaki oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Demikian yang dikongsikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Awang Fariszal bin Ali mengenai pengisian Khutbah Jumaat berhubung mengenai keburukan terlalu cinta dan kasihkan dunia yang hanya bersifat sementara.

hanya mengutamakan kehidupan dunia itu) dan (ada pula keampunan besar serta keredaan dari Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya, (Surah Al-Hadid, ayat 20).

Jelasnya lagi, melihat akan penjelasan ayat berkenaan, maka adalah menjadi kewajiban kita sebagai hamba Allah (manusia) untuk memahami akan matlamat dan tujuan hidup seperti yang dikehendaki oleh Allah Subhanahu Wata'ala agar kita mampu melihat kehidupan berkenaan dengan pandangan yang tepat dalam menjalani kehidupan di dunia yang penuh dengan tipu daya ini.

Pandangan ini juga tambahnya, sebenarnya

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto: Ihsan Awang Fariszal Ali

sangat penting untuk kita capai dalam kehidupan agar kita mampu untuk menyelusuri kehidupan dengan petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala juga.

"Walau bagaimanapun, perlu kita sedari bahawa dunia juga boleh menjadi jalan untuk kita menuju kebaikan di akhirat.

"Tapi dengan syarat, kehidupan di dunia perlu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya untuk meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala kerana dunia adalah tempat terbaik untuk kita menanam amal dan akhirat pula untuk kita menuai hasilnya nanti," katanya.


Awang Fariszal seterusnya mengongsikan

mengenai firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud, "Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya; dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan), dan ia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak (Surah asy-Syura : 20).

"Jadi, marilah kita sama-sama memunasabahkan diri kita masing-masing dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar sentiasa melindungi dan memelihara diri kita serta ahli keluarga daripada menjadi mangsa tipu daya dunia yang memperdayakan ini... Wallahu 'alam," ujar beliau lagi.



PENOLONG Kaunselor Penjara, Awang Fariszal bin Ali.



Sembahyang tiang ugama

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

KETIKA ini kita sedang berada di bulan Rejab, bulan yang terdapat di dalamnya satu peristiwa penting dan bersejarah dalam takwim Islam iaitu peristiwa Israk dan Mikraj. Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan salah satu tanda kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala yang diperlihatkan kepada Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Peristiwa penting ini sudah tentu amat sukar untuk dipercayai dan diterima kebenarannya jika tidak ada keimanan yang kukuh.

Peristiwa Israk dan Mikraj berlaku pada malam Isnin, 27 Rejab, kira-kira 18 bulan sebelum Hijrah. Antara peristiwa penting dalam Israk dan Mikraj adalah perintah kewajipan sembahyang fardu lima waktu sehari semalam ke atas orang Islam.

Peristiwa tersebut merupakan satu mukjizat besar yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana belum pernah ada manusia di muka bumi ini yang melalui perjalanan seumpama itu.

Baginda bukan sahaja diperjalankan dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin) bahkan Baginda Rasulullah telah diangkat sehingga ke Sidratul Muntaha yang mana melepas langit

ketujuh.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Israa', ayat 1 tafsirnya :

"Maha Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (Baitulmuqaddis di Palestin), yang Kami berkti sekelilingnya supaya Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran dan kekuasaan) Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Sambutan Israk dan Mikraj

Seperti di negara-negara Islam lain, Negara Brunei Darussalam juga mengadakan Sambutan Israk dan Mikraj pada Khamis, 27 Rejab 1445H bersamaan 8 Februari 2024M. Tema sambutan pada tahun ini ialah 'Sembahyang Tiang Ugama' bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Kepentingan sembahyang fardu lima waktu

Sembahyang adalah wajib ke atas setiap orang Muslim yang difardukan pada tahun kelima sebelum Hijrah. Sembahyang difardukan pada asalnya ketika Israk dan

Mikraj sebanyak 50 waktu, kemudian dikurangkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sehingga tinggal lima waktu sahaja dalam sehari semalam.

Sembahyang merupakan ibadah yang sangat penting dan wajib dilakukan oleh setiap umat Islam. Sembahyang amat penting sehingga ketika sedang berperang sekalipun, kita tidak boleh meninggalkan sembahyang.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menerima perintah untuk mengerjakan sembahyang lima waktu sehari semalam secara langsung daripada Allah Subhanahu Wata'ala tanpa melalui perantaraan. Ini menunjukkan keistimewaan dan kelebihan ibadah sembahyang berbanding ibadah yang lain. Perintah itu diturunkan secara langsung oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Baginda tanpa adanya perantaraan Malaikat Jibril seperti sebelum daripada ini.

Perintah sembahyang lima waktu ini sangat dipegang erat oleh Rasulullah dan Baginda sangat menitikberatkan kepada umat Baginda supaya tidak meninggalkan sembahyang lima waktu kerana ia adalah tiang agama Islam dan kunci agar diterima segala amalan di dunia.

Jika kita perhatikan dan kita selami kisah ini maka kita akan dapat bahawa perintah mengerjakan sembahyang adalah

satu perintah yang sangat besar sehingga Allah Subhanahu Wata'ala menjemput nabi menerima sendiri suruhan untuk mengerjakan sembahyang. Oleh itu adalah menjadi satu kerugian bagi umat Islam yang tidak mengerjakan sembahyang.

Disebabkan itulah terdapat banyak ayat yang mana Allah Subhanahu Wata'ala perintahkan supaya manusia sentiasa meminta pertolongan Allah dengan mengerjakan ibadah sembahyang.

"Amalan yang mula-mula sekali dihisab dari seorang hamba di akhirat ialah solat. Jika ibadah solatnya diterima, nescaya diterima amalan-amalan yang lain dan apabila solatnya ditolak maka ditolaklah amalan-amalan yang lain". - (Riwayat Imam an-Nasai' dan Imam At-Tirmizi)

Kesimpulan

Kita hendaklah memastikan sembahyang kita dilaksanakan dengan sempurna dan khusyuk. Kita hendaklah juga memastikan ahli-ahli keluarga kita taat dan patuh menuaikan sembahyang pada waktunya. Akhirnya, semoga Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang menjaga sembahyang serta diterima segala amalan yang kita lakukan terutamanya di dalam bulan yang penuh dengan kemuliaan ini.





BATU PAHAT, 5 Feb. - Kerajaan Johor mencegah larangan penjualan rokok elektronik atau vape di negeri itu sama seperti yang diputuskan sejak 1 Jan 2016 dan akan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang menjualnya secara terbuka.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri Ling Tian Soon berkata sehubungan itu, pihaknya akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan

JOHOR KEKAL LARANGAN JUAL VAPE

(PBT) untuk mengenal pasti mana-mana pihak termasuk kedai serta restoran yang masih berdegil menjual vape.

"Kita akan mengambil tindakan bersama PBT (yang kendali lesen perniagaan) sekiranya didapat premis perniagaan itu menjual vape secara terbuka kepada pelanggan."

"Kerajaan negeri juga akan memikirkan cara tindakan yang akan dikenakan terhadap aktiviti penjualan vape ini secara dalam talian," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Fasiliti Pandu Lalu KitaRecycle dan Sumbangan Bakul Limau 2024 di

sini hari ini.

Turut hadir Yang Dipertua Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) Nur Faiz Jamil dan Pengurus Kanan Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Kerajaan SWM Environment Sdn Bhd Norsida Taslim Duka.

Ling yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Yong Peng berkata pihaknya mengalau-alukan orang ramai untuk membuat aduan di pejabat kesihatan daerah atau negeri berkaitan aktiviti penjualan vape.

Sementara itu, beliau berkata Fasiliti Pandu Lalu KitaRecycle

merupakan langkah proaktif SWM Environment untuk memudahkan komuniti setempat dalam usaha menyumbang kepada kelestarian alam dan menggalakkan budaya pengurusan sisa kitar semula.

"Fasiliti ini beroperasi secara pandu lalu dan menggunakan aplikasi KitaRecycle dan sedia menerima 25 jenis barang kitar semula termasuk botol kaca, perkakas elektrik dan peranti elektronik."

"Difahamkan bagi pengurusan sisa pepejal di negeri ini,

perbelanjaannya mencapai RM215,000 sebulan dan RM2.6 juta setahun untuk satu-satu PBT, kita akan dapat menjimatnya (pengurusan sisa pepejal) sekiranya aktiviti kitar semula dijalankan," katanya.

Pada majlis itu, SWM Environment dan MDYP melalui Yayan Makmur MDYP turut menyantuni 80 keluarga golongan kurang berkemampuan dengan menyampaikan sumbangan barang dapur bersempena sambutan Tahun Baharu Cina. - ©BERNAMA

Turkiye terima 56.7 juta pelancong pada 2023

KUALA LUMPUR, 5 Feb. - Turkiye antara destinasi pelancongan terkemukadunia menerima kedatangan 56.7 juta pelancong antarabangsa pada 2023 atau peningkatan 10 peratus tahun ke tahun.

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Turkiye dalam satu kenyataan memaklumkan pendapatan pelancongan negara itu meningkat 17 peratus tahun ke tahun mencecah US\$54.3 bilion dan purata perbelanjaan sehari mencecah US\$99.

Angka terbabit mencatat paras tertinggi sepanjang masa untuk Turkiye, mengukuhkan kedudukannya sebagai pilihan

utama bagi pelancong global.

Terkenal dengan kebudayaan, kesenian, gastronomi, berbasikal dan pelancongan berunsurkan keagamaan, Turkiye menyaksikan kejayaan yang berterusan pada Turkiye.

"Negara kini menyasarkan untuk menarik 60 juta pelancong dan menjana pendapatan pelancongan sebanyak US\$60 bilion menjelang 2024 manakala tumpuan strategik Turkiye terhadap kepelbagaian pasaran akan terus memacu strategi pelancongan pada tahun mendatang," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut menekankan bahawa Turkiye mencipta sejarah

dengan menjadi yang pertama menandatangani Protokol Kelestarian dengan 'Majlis Pelancongan Lestari Global' (GSTC) di peringkat kerajaan pada 2022 dan komitmen ini telah diterjemahkan ke dalam Program Pelancongan Lestari

Turkiye.

"Komitmen Turkiye untuk memelihara warisan budaya terbukti melalui cari gali arkeologi dan projek pemulihan yang meluas. Pada 2023, Turkiye meningkatkan projek arkeologinya kepada 720 dengan rancangan untuk mencapai 750 pada 2024, mengukuhkan kepimpinannya dalam memelihara warisan budaya," menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

Calon Presiden Indonesia 2024 bahas isu penting di debat terakhir

JAKARTA, 5 Feb. - Dalam sesi debat terakhir anjuran Suruhanjaya Pilihan Raya Umum (KPU) pada Ahad, tiga pesaing untuk pilhan raya presiden Indonesia walaupun berbahas dalam nada serius, mereka berjaya mengelakkan serangan peribadi atau sindiran.

Ini satu senario berbeza berbanding sebelum ini, dengan Prabowo Subianto, Ganjar Pranowo dan Anies Baswedan menjelaskan visi dan menjawab pertanyaan dengan fasih serta menguasai isu.

Mereka melayari topik penting merangkumi sosial, budaya, pendidikan, teknologi maklumat, kesihatan, pekerjaan, sumber manusia dan keterangkuman.

Menteri Pertahanan Prabowo menekankan komitmennya terhadap program pembangunan sedia ada yang berterusan serta menekankan beberapa langkah seperti program makan tengah hari dan susu percuma di sekolah.

Strategi transformasi yang dinyatakan merangkumi pelbagai aspek, daripada meningkatkan penjagaan kesihatan, pendidikan sains teknologi, pertumbuhan ekonomi dan menangani kemiskinan serta rasuah.

"Pelan itu merupakan usaha menyeluruh demi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan membina

kemajuan ekonomi yang dimulakan oleh pemimpin terdahulu untuk merubah Indonesia menjelang tahun 2045," kata Prabowo.

Ganjar, bekas Gabenor Jawa Tengah, pula bertekad melaksanakan penambahbaikan terhadap sistem sedia ada melalui program tambahan yang selaras dengan visi dan misi beliau seperti merancakkan digitalisasi dan memperhalusi undang-undang mewujudkan pekerjaan.

Antara agenda yang ditekankan termasuk mengutamakan kesihatan dan aspek pencegahan, pendidikan inklusif, serta memperjuangkan demokrasi yang baik dan kepimpinan yang boleh dipercayai.

"Kesihatan menjadi hal paling utama. Akses kemudahan kesihatan perlu diwujudkan di setiap desa," kata Ganjar, yang merupakan calon daripada parti pemerintah.

Calon ketiga bekas Gabenor Jakarta, Anies, pula secara konsisten menekankan pentingnya perubahan dalam program dan dasar sedia ada, berbeza dengan pendirian dua calon sebelumnya.

Anies berazam meremajakan prinsip asas dan membentuk semula negaranya, dengan menyelesaikan isu pengangguran, keselamatan sosial, pendidikan di kawasan terpencil, kesihatan, ketidaksamaan

yang meluas dan ketidakadilan.

"Kami ingin pastikan kehidupan yang sihat, pertumbuhan yang berpatutan, keluarga makmur dengan gaji yang adil, bangga dengan kebudayaan dan membangunkan sumber manusia," katanya.

Mengenai pekerja migran Indonesia di luar negara, Prabowo dan Ganjar menyokong idea Anies untuk melibatkan aktivis yang lebih memahami isu itu.

Ganjar menambah peranan kementerian dan agensi berkaitan perlu ditingkatkan bagi memudahkan pelaporan, semakan dan memudahkan penyelesaian masalah pekerja migran dengan segera.

Prabowo pula berkongsi pengalaman bagaimana beliau membantu pekerja wanita Indonesia di Malaysia terlepas hukuman mati hasil maklumat daripada aktivis pekerja migran.

Sejumlah 240 juta pengundi akan menunaikan tanggungjawab dalam menentukan kepimpinan negara demokrasi ketiga terbesar di dunia itu pada 14 Februari.

Selain memilih presiden dan naib presiden, mereka akan mengundi untuk ahli Perhimpunan Perundingan Rakyat, dan wakil untuk badan perundangan tempatan. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 99 terbunu dalam kebakaran hutan di Chile

BOGOTA, 5 Feb. - Sekurang-kurangnya 99 terbunu manakala 1,600 orang hilang tempat tinggal akibat kebakaran hutan di Wilayah Valparaiso, Chile. Identiti 32 mayat telah dikenal pasti setakat ini, lapor Agensi Anadol memetik kenyataan pihak berkuasa.

Setakat ini, sebanyak 161 kebakaran direkodkan di seluruh negara, menurut pengarah Perkhidmatan Pencegahan dan

Tindak Balas Bencana Kebangsaan, Alvaro Hormazabal. Pihak berkuasa tempatan menggesa ribuan penduduk meninggalkan kediaman mereka dan mengisyitiharkan darurat di bandar-bandar yang terjejas teruk.

Lebih 200 orang dilaporkan hilang di Vina del Mar dan kawasan sekitar iaitu kawasan pantai yang popular bagi pelancong semasa cuti musim panas. Presiden Chile Gabriel Boric memberi amaran bahawa jumlah

kematian dijangka meningkat susulan kebakaran masih melanda beberapa kawasan di Valparaiso.

Boric turut mengisyitiharkan dua hari berkabung bagi mengenang mangsa terkorban. Presiden berkata angin kencang menyukarkan pasukan bomba untuk mengawal kebakaran hutan yang telah merebak hingga 8,000 hektar (19,768 ekar) hutan dan kawasan bandar. - ©BERNAMA

merupakan langkah proaktif SWM Environment untuk memudahkan komuniti setempat dalam usaha menyumbang kepada kelestarian alam dan menggalakkan budaya pengurusan sisa kitar semula.

"Fasiliti ini beroperasi secara pandu lalu dan menggunakan aplikasi KitaRecycle dan sedia menerima 25 jenis barang kitar semula termasuk botol kaca, perkakas elektrik dan peranti elektronik."

"Difahamkan bagi pengurusan sisa pepejal di negeri ini,

perbelanjaannya mencapai RM215,000 sebulan dan RM2.6 juta setahun untuk satu-satu PBT, kita akan dapat menjimatnya (pengurusan sisa pepejal) sekiranya aktiviti kitar semula dijalankan," katanya.

Pada majlis itu, SWM Environment dan MDYP melalui Yayan Makmur MDYP turut menyantuni 80 keluarga golongan kurang berkemampuan dengan menyampaikan sumbangan barang dapur bersempena sambutan Tahun Baharu Cina. - ©BERNAMA

Enam terbunu dalam nahas jalan raya di Utara India

NEW DELHI, 5 Feb. - Sekurang-kurangnya enam orang terbunu termasuk empat kanak-kanak selepas kereta yang mereka naiki terbalik lalu terjunam ke dalam parit di pinggir jalan Uttar Pradesh, pada malam Ahad.

Kecelakaan berlaku di daerah Kanpur, Uttar Pradesh, lapor Xinhua. Dua remaja yang cedera dalam kemalangan terbabit berjaya diselamatkan oleh penduduk setempat dan dimasukkan ke hospital berdekatan.

Kesemua mangsa dilaporkan baharu pulang dari menghadiri satu majlis di negeri Madhya Pradesh.

Pelbagai kawasan di utara India berkabus pada waktu pagi sejak kebakaran ini, menyebabkan jarak penglihatan terhad hingga menjelaskan perkhidmatan udara, kereta api dan lalu lintas.

Sementara itu, beberapa kawasan di negeri Himachal Pradesh dan Uttarakhand dilanda salji sejak Sabtu. - ©BERNAMA

Hentikan pembiayaan UNRWA seakan-akan hukum semua pihak

BRUSSELS, 5 Feb. - Wakil Kesatuan Eropah bagi Hal Ehwal Luar dan Dasar Keselamatan Josep Borrell berkata ribuan nyawa bakal terancam sekiranya Agensi Bantuan dan Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian Palestin (UNRWA) hilang pembiayaan.

Beliau menekankan bahawa UNRWA menjadi nadi bagi berjuta-juta rakyat Palestin yang diancam kebuluran dan wabak penyakit, lapor Agensi Berita Palestin (WAFA). Borrell membuat kenyataan itu selepas beberapa negara bertindak menggantung pembiayaan untuk UNRWA pada minggu lepas.

Beliau berkata bahawa pemotongan dana untuk agensi bantuan PBB itu seakan-akan menghukum semua secara kolektif. UNRWA dalam satu kenyataan baru-baru ini memaklumkan bahawa pihaknya tidak dapat meneruskan operasi di Gaza dan kawasan sekitar selepas hujung Februari jika pembiayaan tidak diteruskan. - ©BERNAMA

Nangolo Mbumba angkat sumpah sebagai Presiden Namibia yang keempat

LUSAKA (Zambia), 5 Feb. - Namibia pada Ahad melantik bekas naib presiden Nangolo Mbumba sebagai ketua negara yang keempat, beberapa jam selepas Hage Geingob meninggal dunia pada usia 82 tahun.

Angkat sumpah berlangsung di ibu negara Windhoek disertai bekas timbalan perdana menteri dan menteri hubungan antarabangsa dan kerjasama, Netumbo Nandi-Ndaitwah yang kini dilantik sebagai naib presiden negara itu, lapor Agensi Anadol.

"Negara kita kekal aman dan stabil kerana kepimpinan Presiden Geingob. Saya menerima amanah ini dengan sedar akan tanggungjawab yang besar," kata Mbumba ketika mengangkat sumpah di hadapan Ketua Hakim Negara Peter Shivute semasa upacara ringkas di State House. Mbumba, 82, akan berkhidmat sehingga pilihan raya akan datang yang dijadual pada November tahun ini. - ©BERNAMA

RUNDINGAN DAMAI SELATAN THAILAND DISAMBUNG SEMULA PADA SELASA



PATTANI (Thailand), 6 Feb. - Proses Dialog Damai di Selatan Thailand disambung semula pada Selasa di Kuala Lumpur selepas setahun tergantung. Timbalan Ketua Setiausaha Agung Majlis Keselamatan Thailand, Chatchai Bangchud mengetui Panel Dialog Damai Kerajaan Diraja Thailand bagi mengadakan rundingan dengan delegasi Barisan Revolusi Nasional (BRN) yang diketuai Anas Abdulrahman.

Ketua Fasilitator Kerajaan Malaysia Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin akan bertindak sebagai perantara bagi rundingan selama dua hari itu. Jurucakap Tentera Bahagian Keempat Lt Jen Pramoth Prom-in berkata proses dialog

itu dijangka membincangkan mengenai Pelan Komprehensif Kerjasama ke Arah Pendamaian (JCPP).

Pelan itu merangkumi rundingan awam, pengurangan keganasan dan penyelesaian politik bagi menjamin keamanan yang mampar di selatan Thailand. "Kami berharap dapat menurunkan kadar keganasan pada Ramadan dan sambutan Songkran akan datang," katanya.

Rundingan damai itu terhenti selepas BRN mengumumkan penangguhan rundingan sementara menunggu Pilihan Raya Umum 14 Mei dan pembentukan kerajaan baharu tahun lepas.

Sementara itu, Panglima Wilayah Tentera Keempat (Commander of the 4th Army Region) Lt Jeneral Santi Sakuntanark berkata penyambungan semula rundingan itu membawa sinar harapan bagi menyelesaikan konflik selama berpuluhan tahun dan mewujudkan keamanan yang mampar di rantau terbabit. "Kami berharap agar Ramadan dan Songkran tahun ini bebas keganasan manakala suasana yang selamat dan sejahtera dapat diwujudkan," katanya.

Pada 2022, kedua-dua pihak mencapai persetujuan untuk menghentikan keganasan sepanjang Ramadan. Kerajaan

menganggap perjanjian ini berjaya dan berusaha untuk memanfaatkan kemajuannya.

Proses rundingan damai antara kerajaan Thailand dan BRN bertujuan mencari penyelesaian bagi menamatkan

konflik yang memuncak pada Jan 1994 di wilayah selatan seperti Narathiwat, Yala, Pattani dan sebahagian Songkhla. - ©BERNAMA

India : Lebih 3,210 penerbangan dibatalkan akibat cuaca buruk pada 2023

NEW DELHI, 6 Feb. - Kerajaan India berkata sepanjang tahun lepas sebanyak 3,210 penerbangan dibatalkan akibat cuaca buruk dan sejumlah 2,109 penerbangan lagi terpaksa dibatalkan berikutan masalah teknikal. Maklumat itu dibentangkan oleh

Menteri Penerbangan Awam V. K. Singh dalam jawapan bertulis di Parlimen.

Minggu lepas, pihak berkuasa Lapangan Terbang Antarabangsa Indira Gandhi di New Delhi mula menaik taraf landasan kedua untuk memastikan operasi yang lebih

lancar ketika cuaca buruk, terutama semasa musim sejuk.

Langkah itu pastinya akan melegakan penumpang yang mengalami kelewatnya penerbangan di lapangan terbang New Delhi pada musim sejuk akibat kabut tebal. - ©BERNAMA

Gunung Semeru meletus muntahkan abu sejauh satu kilometer

JAKARTA, 6 Feb. - Gunung Semeru di daerah Malang dan Lumajang di wilayah Jawa Timur meletus pada 7.30 pagi Selasa (waktu tempatan) dan memuntahkan abu sejauh kira-kira satu kilometer ke udara dari atas kawah, lapor Agensi Berita ANTARA.

Pegawai di pos pemantauan Gunung Semeru Ghufron Alwi berkata gunung berapi tertinggi di Pulau Jawa itu memuntahkan abu menghala ke timur laut.

"Letusan itu dirakam

menggunakan seismograf dengan amplitud maksimum 23 milimeter selama 120 saat," katanya memetik laporan yang diterima pada Selasa.

Sementara itu, Pusat Vulkanologi dan Tebatan Bencana Geologi (PVMBG) menasihatkan orang ramai supaya tidak melakukan aktiviti di kawasan berdekatan dan tidak berada dalam radius lima kilometer dari gunung berkenaan.

Orang ramai juga perlu waspada terhadap kemungkinan aliran lava di sepanjang sungai atau lembah,

terutama di sekitar Besuk Kobokan, Besuk Bang, Besuk Kembar dan Besuk Sat.

Gunung Semeru dipantau secara visual dan menggunakan peralatan dari dua pos pemantauan gunung berapi di Desa Sumber Wuluh, Kecamatan Candipuro, Kabupaten Lumajang, dan di Desa Argosuko, Kecamatan Ampelgading, Kabupaten Malang.

Tahap aktiviti Gunung Semeru kini berada pada Tahap III atau Tahap Amaran sejak 16 Disember 2021. - ©BERNAMA

Palestin : Sekurang-kurangnya 135 kes jenayah terhadap wartawan direkodkan pada Januari

RAMALLAH, 5 Feb. - Laporan bulanan Kumpulan Wartawan Palestin mendapati bahawa Israel telah melakukan sekurang-kurangnya 135 kes jenayah dan serangan yang menyasarkan wartawan di Palestin setakat Januari tahun ini.

Ini termasuk kes pembunuhan 14 wartawan, lapan daripadanya maut selepas rumah mereka menjadi sasaran peluru berpandu manakala empat lagi terbunuh semasa bertugas, lapor Agensi

Berita WAFA.

Menurut laporan itu, sebanyak 50 serangan terhadap petugas media turut dilaporkan, termasuk menahan dan menghalang mereka daripada menjalankan tugas selain menjadi mangsa tembakan peluru hidup.

Selain itu, rejim Israel menahan dua wartawan dan menyerbu pejabat media serta kediaman tiga pengamal media. Seorang lagi wartawan turut dikenakan tindakan

mahkamah.

Dalam perkembangan berkaitan, sekitar 116 wartawan dan petugas media telah terbunuh di Semenanjung Gaza sejak permulaan pencerobohan Israel pada 7 Okt.

Kira-kira 35 wartawan masih ditahan pihak berkuasa Israel manakala nasib beberapa petugas media lagi tidak diketahui selepas terputus hubungan dengan mereka sejak 7 Okt. - ©BERNAMA

mahkamah.

Dalam perkembangan berkaitan, sekitar 116 wartawan dan petugas media telah terbunuh di Semenanjung Gaza sejak permulaan pencerobohan Israel pada 7 Okt.

Kira-kira 35 wartawan masih ditahan pihak berkuasa Israel manakala nasib beberapa petugas media lagi tidak diketahui selepas terputus hubungan dengan mereka sejak 7 Okt. - ©BERNAMA

menganggap perjanjian ini berjaya dan berusaha untuk memanfaatkan kemajuannya.

Proses rundingan damai antara kerajaan Thailand dan BRN bertujuan mencari penyelesaian bagi menamatkan

konflik yang memuncak pada Jan 1994 di wilayah selatan seperti Narathiwat, Yala, Pattani dan sebahagian Songkhla. - ©BERNAMA

4,895 pelajar Palestin terbunuh akibat kekejaman berterusan Israel

RAMALLAH, 6 Feb. - Kementerian Pendidikan Palestin berkata 4,895 pelajar terbunuh manakala 8,514 yang lain cedera sejak Israel menceroboh Semenanjung Gaza dan Tebing Barat pada 7 Okt lepas.

Daripada jumlah itu, seramai 4,851 pelajar terkorban dan 8,227 yang lain cedera di Semenanjung Gaza.

Di Tebing Barat, sebanyak 44 pelajar terbunuh, 283 cedera manakala 89 lagi ditahan, lapor Agensi Berita WAFA memetik kenyataan kementerian itu.

Menurut kenyataan itu, 239 guru dan pentadbir turut terbunuh di Semenanjung Gaza manakala 836 cedera dan lebih 71 lagi ditahan di Tebing Barat.

Seramai 620,000 pelajar masih dinafikan hak untuk ke sekolah.

Sementara itu, sebanyak 286 sekolah kerajaan dan 65 sekolah yang bergabung dengan Agensi Bantuan dan Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian Palestin (UNRWA) di Semenanjung Gaza telah dibom dan dimusnahkan.

Di Tebing Barat pula sebanyak 49 sekolah rosak akibat diserang atau dimusnahkan oleh rejim Israel. - ©BERNAMA

Raja Charles III disahkan hidap kanser, Duke of Sussex berlepas ke London

LONDON, 6 Feb. - Raja Britain Raja Charles III disahkan menghidap kanser, menurut Istana Buckingham pada Isnin, lapor Xinhua.

"Baginda menjalani rawatan berkaitan prostat benigna. Semasa menjalani rawatan ini, satu lagi masalah kesihatan dikesan yang kemudian disahkan sebagai sejenis kanser. Baginda tetap positif... dan berharap untuk kembali menjalankan tugas baginda secepat mungkin," menurut kenyataan istana.

Sementara itu, Agensi Berita Jerman (dpa) melaporkan bahawa Duke of Sussex akan berlepas ke London dalam masa terdekat untuk berada di sisi baginda. Pejabat Duke dan Duchess of Sussex memaklumkan bahawa Raja Charles telah pun menghubungi kedua-dua putera baginda bagi memaklumkan mengenai perkara berkenaan. - ©BERNAMA

Dewan Pimpinan Presiden Yaman lantik Perdana Menteri baharu

SANAA, 6 Feb. - Dewan Pimpinan Presiden Yaman pada Isnin melantik Menteri Luar Ahmed Awad Bin Mubarak sebagai Perdana Menteri baharu negara itu, Xinhua memetik laporan Agensi Berita Saba.

"Dekri No. (56) tahun 2024 dikeluarkan oleh pengurus Dewan Pimpinan Presiden, melantik Ahmed Awad Bin Mubarak sebagai perdana menteri," menurut laporan itu. Mubarak telah dilantik sebagai Menteri Luar pada 2020.

Sementara itu, satu lagi dekri telah dikeluarkan dengan melantik Perdana Menteri Maeen Abdulmalik yang akan menamatkan tugasnya sebagai penasihat kepada pengurus Dewan Pimpinan Presiden.

Sejak akhir 2014, Yaman dilanda perang saudara apabila Houthi yang disokong Iran menguasai beberapa wilayah di utara, memaksa kerajaan Yaman yang disokong Arab Saudi berundur dari Sanaa. - ©BERNAMA

OIC ulangi gesaan dan pendirian henti pencerobohan Israel di Palestin

JEDDAH, 5 Feb. - Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Hissein Ibrahim Taha mengulangi pendirian dan gesaan kepada masyarakat antarabangsa agar segera mengambil langkah berkesan menghentikan segala bentuk pencerobohan Israel ke atas rakyat Palestin.

Semasa pertemuan dengan Duta Besar Jerman ke Arab Saudi Michael Kindsgab, beliau menekankan keperluan bagi pelaksanaan penyelesaian dua negara. Kedua-dua pihak turut membincangkan perkembangan terkini di Gaza dan isu berkaitan Palestin semasa mesyuarat pada Isnin. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



AWANG AEDIESOPIAN JUARA BEYBLADE X 'SPECIAL EVENT'

Berita dan Foto : Ihsan DBos Beys Beyblade Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Februari. - Awang Aediesopian bin Haji Ismail daripada Jakusha Bladers (JB) muncul juara Pertandingan Beyblade X 'Special Event' anjuran DBos Beys Beyblade

Brunei Darussalam setelah menewaskan Awang Sharizmi Hanis bin Haji Sharbini juga dari JB pada perlawanan akhir Beyblade yang diadakan di Teratak DBos di Kampung Mentiri sekali gus berjaya membawa pulang

hadiah utama sebuah Pevy Multimedia Speaker, hamper dan sijil penyertaan.

Sementara itu, Awang Mimi Nazuan bin Haji Ibrahim daripada JB merangkul tempat ketiga manakala Awang Massun bin Haji Mohid dari Underground Beys (UG) berjaya merangkul tempat keempat.

Bagi pemenang hadiah Top 8 disandang oleh UG Pengiran Hasswandy, Ghostbeys (GB) Awang Sallehuddin, UG Dayang Norhayati dan Santai Aja Bladerz (SA) Awang Muhammad Eddy Shahnoor Syakirin.

Dalam perlawanan Beyblade berasingan anjuran UG Tournament yang diadakan di Jalan Binglu Utara, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Meragang, Awang Amiruddin bin Haji Abdi Manaf daripada JB berjaya merangkul kedudukan juara, naib juara dan tempat ketiga setelah beliau berjaya menewaskan lawan masing-masing pada peringkat separuh akhir.

Sementara tempat keempat disandang oleh Awang Harris Abdullah daripada JB.

Hadiyah-hadiyah sugu hati dimenangi oleh GB Awang Haji Rosaimi, UG Awang Junaidi dan SA Awang Muhammad Akmal Yamin.

Dalam perebutan Liga Beyblade Brunei Darussalam bagi Tahun 2023 / 2024, JB masih mengungguli carta liga dengan memperoleh 141 mata diikuti GB dengan 73 mata berjaya memintas UG yang memperoleh 73 mata serta SA berjaya mengutip 65 mata dan Beyblade Madness dengan 7 mata.



PARA peserta semasa bergambar ramai pada Pertandingan Beyblade X 'Special Event' anjuran DBos Beys Beyblade Brunei Darussalam.

Saya ambil risiko sekali lagi demi negara tercinta - Mohd Azizulhasni

KUALA LUMPUR, 5 Feb. - Jaguh berbasikal trek negara, Datuk Mohd Azizulhasni Awang sekali lagi melakukan 'kerja gila' apabila mengambil risiko menyertai Kejohanan Piala Negara-negara Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) walaupun disahkan mengalami Perikarditis atau radang jantung dua minggu sebelum kejohanan.

Menurut juara dunia keirin 2017 itu, keputusan untuk berlumba di Adelaide, Australia adalah tindakan tidak masuk akal kerana pihak hospital sudah menasihatkan beliau agar berehat selama empat hingga enam minggu daripada sama ada menjalani latihan mahupun menyertai kejohanan kompetitif.

"Saya runsing. Tanggungjawab saya untuk negara amat besar. Kalau tak berlatih nanti prestasi menurun... Kalau tak bertanding pula, takut merencatkan mata kelayakan ke Sukan Olimpik. Parah. Berhari-hari saya tidak tak lena, mandi tak basah. Nasib baik ada isteri tersayang dan anak-anak yang

menjadi penenang ketika resah.

"Saya buat kerja gila. Saya ambil risiko sekali lagi demi negara tercinta. John, I still want to go to Adelaide and we will see how it goes there" saya telefon John Beasley di Malaysia.

"Percaturan saya, kalau tak menang pun, sekurang-kurangnya dapat tempat tercorot pun masih memberikan sedikit mata bagi mengimbangi kutipan mata saya. Saya janji pada isteri, kalau saya terasa sakit yang melampau dan berasa keterlaluan saya akan terus berhenti, tidak kisahlah walaupun ketika perlumbaan," kata Mohd Azizulhasni yang berkongsi mengenai masalah kesihatan dihadapinya menerusi hantaran di Facebook hari ini.

Pelumba yang terkenal dengan julukan The Pocket Rocketman itu mengakui kemenangan pingat emas acara keirin dan mara ke separuh akhir acara pecut adalah di luar jangka kerana sedar beliau hadir ke kejohanan Piala Negara-negara UCI

berkenaan bukan dengan prestasi terbaik.

"Perlumbaan akhir keirin tempoh hari tu memang Unbelievable! Kalau tanya saya sekarang, saya pun tak tahu dan tak percaya macam mana semua tu boleh berlaku.

"Bagi saya ia adalah berkat doa ibu saya di kampung, juga berkat doa isteri dan anak-anak di rumah serta ahli keluarga yang lain. Oh ya, mungkin juga rezeki baby baharu saya dan isteri, Amna Aseeya," katanya.

Pelumba kelahiran Dungun, Terengganu itu membuktikan reputasinya selaku antara pelumba terbaik dunia dengan memenangi emas acara keirin, mengatasi dua pelumba Jepun, Shinji Nakano dan Kaiya Ota yang masing-masing menamatkan saingan di tempat kedua dan ketiga.

Bagaimanapun semalam, Mohd Azizulhasni terpaksa menarik diri acara pecut akibat simptom Perikarditis itu.

Beliau terpaksa meninggalkan saingan penentuan pingat gangsa berdepan pelumba tuan rumah yang juga juara dunia

2018, Matthew Glaetzer, setelah mengalami simptom selepas pusingan separuh akhir.

Berkongsi kisah bermulanya simptom Perikarditis, Mohd Azizulhasni berkata beliau mengalami sesak nafas dan sakit dada ketika menyertai pertandingan pemanas badan di Australia sebelum disahkan oleh doktor mengenai penyakit dihadapinya itu.

"Perikarditis adalah kondisi selaput luar jantung (pembungkus jantung - pericardium) mengalami keradangan. Saya pun tanyalah, pada pendapat doktor apa yang menyebabkan keadaan ini boleh berlaku. Ironinya selepas pembedahan jantung dahulu, proses pemulihan berjalan dengan lancar dan saya tidak mempunyai sebarang masalah besar dan serius pun."

"Jawab doktor, ia mungkin berlaku disebabkan oleh kesan pascapembedahan jantung dahulu. Mungkin ada kecederaan di bahagian dada atau kesan kanser pada organ lain yang memberi kesan kepada jantung ataupun mungkin kerana jangkitan bakteria atau virus. Terus saya lebih setuju dengan pendapat terakhir ini. Tapi saya masih harus menjalani pemeriksaan dan ujian lanjutan," katanya.

Pelumba berusia 36 tahun itu memaklumkan beliau telah terkena jangkitan virus ketika berada di Malaysia pada awal Disember lepas. - ©BERNAMA